SUFISTIK DALAM ZAMAN PASCA MODEN

OLEH

MOHAMAD RIDHWAN BIN ALIAS

MENGATASI KEMISKINAN: KAEDAH ISLAM SEBAGAI ALTERNATIF.

Oleh Mohamad Ridhwan Bin Alias
tokawang_sufi@yahoo.com

Kemiskinan adalah satu fenomena yang mudah ditemui pada masa ini. Selain di luar bandar, fenomena ini semakin parah di celah-celah pembangunan sesebuah bandar. Selama ini kita telah menggunakan kaedah penyelesaian ciptaan ahli ekonomi Barat untuk menyelesaikan permasalahan ekonomi sehingga meminggir kaedah yang disarankan oleh ajaran Islam. Walaupun ramai ahli ekonomi berpendapat punca kemiskinan berkaitan dengan sistem ekonomi namun kemiskinan bukanlah hanya terlahir daripada ekonomi sahaja. Kemiskinan terjadi akibat daripada hasil interaksi yang membabitkan semua aspek yang berkaitan dengan manusia dan kehidupannya. Paling menarik Ustaz Abu Abduh mempunyai persepsi yang tersendiri dalam mengupas persoalan kemiskinan yang berlaku.

Menurut Ustaz Abu Abduh, beliau tidak bersetuju dengan konsep membasmi kemiskinan yang dilakukan oleh pemerintah sekular. Bagi Ustaz Abu Abduh, membasmi kemiskinan bermakna menghapuskan kemiskinan. Soalnya sekarang, bolehkah manusia menghapuskan kemiskinan? Jawabnya tentulah tidak boleh. Menghapuskan kemiskinan adalah perkara mitos dan khayalan yang sengaja diulang-ulang untuk menyedapkan telinga orang bawahan. Dalam kelas-kelas kuliah ekonomi, sejak 200 hingga 300 tahun dahulu manusia banyak memiliki harta sama ada di Timur atau Barat hanya dikuasai oleh sekelompok manusia sahaja. Di Eropah mereka memanggil *Lord* dan di India mereka memanggil *Zamindar*. Mereka ini adalah golongan elit yang mempunyai tanah dan mengumpul harta dengan kaedah menindas golongan bawahan.

Maka dalam masyarakat bawahan ini ada yang berani diri memberontak dan melawan. Dia nak lawan seorang diri tidak terdaya, dia terpaksa kerah orang lain. Mereka cuba melawan orang yang dikira tuhan, orang pemberi rezeki kepadanya. Dengan itu timbul gerakan seperti cerita *Boleshivek* Komunis melawan Tsar di Rusia pada 1917 atas harapan jika menang kita basmi kemiskinan dan kita bahagi harta sama rata. Slogan ini hanya sedap didengar oleh orang bawahan maka orang pun memberontak. Persoalan yang timbul, benarkah komunis berjaya menghapuskan kemiskinan selepas kemenangannya? Lihatlah sendiri kemiskinan yang dialami oleh negara bekas Soviet Union, Rusia, China, Korea Utara dan Cuba.

Hayatilah firman Allah SWT: "*Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini[sesetengah kaya, sesetengah miskin]: juga Kami telah menjadikan darjat sesetengah mereka tertinggi daripada sesetengah yang lain:[semuanya itu] supaya sesetengah mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya daripada sesetengahnya yang lain*" (az Zukhuf 43:32) Ayat ini adalah hujah kemiskinan tidak dapat dihapuskan kerana ia merupakan perancangan yang sengaja dibuat oleh Allah kepada seluruh manusia. Allah merancang menjadikan manusia kaya dan miskin saling paut-memaut dan bantu-membantu di antara satu sama lain. Manusia yang percaya pembalasan hari akhirat perlu tunduk [taat] kepada Allah dari dunia lagi tanpa berbelah bahagi dalam segala hal. Apabila manusia tunduk kepada Allah sahaja maka tidak timbul dengki-mendengki di antara manusia kerana rezeki Allah adalah pemberianNya.

Kemiskinan tidak dapat dibasmi tetapi dapat dikurangkan. Menurut Ustaz Abu Abduh, Islam telah menyediakan kaedah mengurangkan kadar kemiskinan. "*Semua manusia berasal daripada Adam dan Adam berasal daripada tanah"*. Bila manusia sedar tentang persaudaraan mereka yang datang daripada Adam, maka akan timbul rasa simpati di antara satu sama lain yang dikenali nilai kemanusiaan. Tanpa mengira kulit, bangsa dan agama mereka perlu tolong menolong. Inilah asas yang ditanam Islam dalam hati nurani setiap insan.

Bagi yang sudah berumahtangga, maka diwajibkan ke atas suami untuk mencari nafkah dengan menanggung sara hidup hidup isterinya. Maka terubatlah kemiskinan isteri kerana dia telah bersuami. Kalau kehidupan kita diselimuti dengan kemiskinan, kita selalu mempersoalkan bagaimana hendak mencari nafkah untuk isteri. Nabi sendiri pernah bersabda '*berkahwinlah dengan perempuan-perempuan kerana melalui perkahwinan ini mendatangkan harta*'. Lagi ramai isteri, lagi terjamin mendatangkan harta. Lelaki wajib mencari nafkah bagi isterinya, "*Kewajiban ayah memberikan makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara ma'ruf.*"(Qs.al-Baqarah: 233). Perkara ini dipertegaskan lagi dengan hadis Rasulullah SAW "*Dan kewajiban para suami terhadap para isteri adalah memberi mereka belanja (makanan) dan pakaian.*" [HR. Ibn Majah dan Muslim dari Jabir bin Abdillah]. Pertanggungjawaban yang besar ini haruslah dipikul oleh lelaki dengan penuhi keredhaan. Begitu juga isteri, jangan meminta yang melampaui kemampuan dan terimalah kemiskinan sebagai dugaan hidup.

Bagaimana dengan perkahwinan kita dapat menambah harta? Orang lelaki wajib bekerja, insya Allah, Allah akan mengurniakan rezeki kepadanya. Cuma kita haruslah menembusi *taboo* fikiran masyarakat Melayu yang menganggap beristeri ramai akan menyukarkan mendapat rezeki. Pemikiran ini hanyalah propaganda golongan anti Islam sedangkan perkara yang berlaku tidak seteruk yang digambarkan. Sesudah mempunyai anak, ibubapa bertanggungjawab memelihara anak mereka dengan cara hidup Islam. Setelah besar dan bekerja serta memahami ajaran Islam yang sahih, wajib anak-anak memelihara ibubapa mereka sekiranya ibubapa mereka miskin. Dengan itu, terubatlah kemiskinan orang perempuan yang tiada harta dan ibubapa yang tua dan miskin kerana dibiayai oleh anak-anak mereka. Kalau anak-anak mereka juga miskin, maka wajib atas keluarga seperti bapa saudara dan sepupu yang mempunyai kemampuan menanggung ahli keluarga yang miskin.

Jika keluarga mereka tidak mampu, peranan mengubati kemiskinan harus diambil alih oleh jiran. '*Bukan orang mukmin, mereka tidur malam dalam keadaan kenyang sedangkan jirannya dalam keadaan kelaparan*'. Ini bermakna jiran sama ada anak, bapa, isteri dan seisi keluarga perlu bertanggungjawab mengubati kemiskinan jiran mereka. Dalam Islam, jiran dimaksudkan 40 buah rumah disekelilingnya. Adalah mustahil jika tiada seorang pun jiran yang kaya yang boleh membantu jirannya. Jiran yang mempunyai harta yang berlebihan sewajarnya membantu jirannya yang miskin. Orang yang mampu menurut syara' adalah orang yang memiliki harta lebih dari keperluan-keperluan asas (*al-hajat al-asasiyah*), dan keperluan pelengkap (*al-hajat al-kamaliyah*), menurut *standard* masyarakat sekitarnya. Rasulullah SAW bersabda:"*Sebaik-baik sedekah adalah harta yang berasal dari selebihnya keperluan.*" [HR. Imam Bukhari dari Abu Hurairah].

Bagaimana jika seseorang yang miskin tersebut tidak memiliki jiran? Atau mereka memiliki jiran tetapi turut miskin? Dalam kondisi semacam ini, kewajiban memberi nafkah beralih ke Baitul Mal. Dengan kata lain, negara melalui Baitul Mal, berkewajiban untuk memenuhi keperluannya. Rasulullah SAW pernah bersabda:
"*Siapa saja yang meninggalkan harta, maka harta itu untuk ahli warisnya, dan siapa saja yang, meninggalkan 'kalla', maka dia menjadi kewajiban kami.*" [HR. Imam Muslim]. Yang dimaksud *kalla* adalah oang yang lemah, tidak mempunyai anak, dan tidak mempunyai orang tua. Anggaran yang digunakan oleh negara untuk membantu individu yang tidak mampu, pertama diambil dari zakat. Allah SWT berfirman:
"*Sedekah (zakat) itu hanya diperuntukkan bagi para fakir miskin...*" (Qs. at-Taubah [9]: 60). Apabila harta zakat tidak mencukupi, maka negara wajib mencari dari pendapatan selain daripada Baitul Mal.

Negara juga seharusnya menyediakan sistem gaji berasaskan konsep *ma'asy* iaitu bayaran sara hidup berdasarkan keperluan keluarga bukannya berdasarkan kelulusan akademik dan senioriti pangkat semata-mata. Gaji akan diberi berdasarkan jumlah tanggungan keluarga seperti jumlah anak dan isteri tanpa mengira senioriti pangkat dan kelulusan akademik. Seseorang berjawatan tinggi seperti pengarah dan berkelulusan tinggi hanya diberi elaun khas sebagai menghargai status mereka. Sistem gaji berasaskan pangkat dan kelulusan akademik telah mengucar-kacirkan budaya ilmu dan menambah penderitaan golongan miskin. Ilmu yang dianggap penyuluh kebenaran telah digunakan untuk memuaskan nafsu yang dimotori oleh faham material. Justeru, sistem gaji berasaskan keperluan keluarga dilihat lebih adil bagi mengurangkan kemiskinan rakyat, sekaligus menjernihkan kembali pembudayaan ilmu di negara kita.

Seandainya Baitul Mal tidak mempunyai harta, maka kewajiban menafkahi orang miskin beralih ke kaum Muslim secara kolektif dan alami. Allah SWT berfirman:
"*Di dalam harta mereka, terdapat hak bagi orang miskin yang meminta-minta yang tidak mendapatkan bahagian.*" (Qs. adz-Dzariyat [51]: 19). Rasulullah SAW juga bersabda:
"*Siapa saja yang menjadi penduduk suatu daerah, di mana di antara mereka terdapat seseorang yang kelaparan, maka perlindungan Allah Tabaraka Wata'ala terlepas dari mereka.*" [HR. Imam Ahmad]. Sabda Rasulullah lagi "*Tidaklah beriman kepada-Ku, siapa saja yang tidur kekenyangan, sedangkan tetangganya kelaparan, sementara dia mengetahuinya.*" [HR. al-Bazzar]. Dengan itu menjadi tanggungjawab umat Islam secara alami membantu saudara seIslam mereka yang miskin di ceruk rantau dunia. Bagi negara, kewajiban negara Islam yang kaya membantu negara Islam yang miskin. Allah SWT menegaskan lagi tentang pentingnya hubungam sesama mukmin dengan menyatakan '*orang mukmin sesama mukmin sepertilah adik beradik melalui pertalian darah*' [al Hujuraat:

10]. Hubungan mesra sesama mukmin dijalinkan melalui pertalian akidah. Pertalian ini lebih kuat sehingga menembusi batas-batas ras, warna kulit dan geografi. Inilah asas perpaduan ummah yang digarap oleh ajaran Islam.

Demikianlah mekanisme bagaimana Islam mengatasi masalah kemiskinan secara langsung. Orang yang bersangkutan diwajibkan untuk mengusahakan nafkahnya sendiri. Apabila tidak mampu, maka saudara terdekat yang memiliki kelebihan harta wajib membantu. Apabila saudara terdekat dan jirannya tidak mampu, maka kewajiban beralih ke Baitul Mal daripada hasil zakat. Apabila Baitul Mal tidak dapat membantu, maka kewajiban beralih ke seluruh kaum Muslim. Secara teknikalnya, hal ini dapat dilakukan dengan cara kaum Muslim secara individu membantu orang yang miskin; dan negara memungut *dharibah*dari orang-orang kaya sehingga mencukupi.

Penjelasan di atas merupakan jalan penyelesaian masalah kemiskinan yang dikemukakan oleh Islam. Pendekatan yang digunakan adalah berlandaskan kefahaman al Quran dan hadis bukan seperti pemerintah sekular yang menjadikan nilai kebendaan sebagai wahana mengatasi kemiskinan. Nilai kebendaan yang dicandukan kepada rakyat merupakan ubat penahan sakit yang bersifat sementara bahkan ia akan menambahkan barah kemiskinan yang menimpa rakyat. Bantuan kebendaan secara tidak terkawal akan mematikan usaha rakyat untuk berdikari, mengalakkan rakyat bermentaliti subsidi dan bergantung harap kepada kerajaan. Perkara ini menyebabkan rakyat malas bekerja dan mengharapkan wang ehsan kerajaan. Sebagai timbal balik kerajaan akan mendapat keuntungan politik melalui undi. Penyelesaian kemiskinan ini akan menguntungkan golongan elit yang berkuasa dan tidak akan menyelesaikan masalah kemiskinan.

Islam menyelesaikan masalah kemiskinan dengan **mendidik jiwa** umatnya. Islam menyeru umatnya redha dan sabar di atas nasib yang menimpanya. Bagi mengurangkan jurang kemiskinan, Islam telah menyarankan agar umatnya di setiap peringkat **berfungsi membantu** orang miskin. Dimulai dengan orang tersebut perlu berdikari, keluarga, jiran, negara dan umat Islam sedunia diwajibkan membantu saudara seIslam yang miskin. Inilah keindahan ajaran Islam yang murni dan syumul. Kemiskinan hanya boleh dikurang bukannya dibasmi. Pembasmian kemiskinan hanyalah mitos para pemimpin yang terpengaruh dengan ahli ekonomi yang menjauhi diri daripada ajaran Islam.

TASAWWUF DAN KEDUDUKANNYA DI NUSANTARA

OLEH

USTAZ 'UTHMAN EL-MUHAMMADY

Insha’ Allah apa yang dibicarakan oleh penulis dalam kertas yang sederhana ini ialah kedudukan tasawwuf di Alam Melayu sebagai aspek batin dari Agama Islam dilihat secara ringkas dari segi sejarah, ajaran-ajarannya, amalan-amalannya, serta juga

kepentingannya dilihat dari hidup Islamiah termasuk kepentingannya dalam menghadapi cabaran-cabaran hidup masakini. Termasuk ke dalamnya juga ialah pembicaraan tentang perkara-perkara yang perlu diberi penyelesaian sewajarnya oleh semua pihak yang berwenang sebenarnya supaya aspek kabatinan yang sahih dari Islam Sunni ini terkawal dan berjalan dengan baik memberi panduan kepada manusia dalam menuju kehidupan yang diredhai dalam hidup individu dan kolektif, hidup di dunia dan akhirat, hidup kebendaan dan kerohanian.

Penulis tidak mendakwa apa-apa yang asli dalam pembentangannya ini, bahkan beliau bergantung kepada mereka yang ahli di dalamnya yang menjalankan penyelidikan dan pembentangan tentang bidang ini dengan baiknya dalam bidang mereka masing-masing, samaada bidang sejarah atau amalan dan juga ajarannya.

Sejarah:

Tentang sejarah perkembangan tasawwuf, rasanya tidak perlu kita berpanjang kalam tentangnya.mencukupi kalau disebutkan bahawa tasawwuf merupakan ilmu dan amalan yang berpunca daripada Qur'an dan Sunnah sebagaimana yang diakui oleh para ulama Islam yang membicarakannya. Antaranya boleh dibuktikan dari kata-kata para ulama Islam seperti berikut:

Dalam fatwa al-Imam al-Hafiz as-Sayyid Muhammad Siddiq al-Ghumari rh bila ditanya tentang tasawwuf, jawabnya:

اما اول من اسس الطريقة , فالتعلم ان الطريقة اسسها الوحى السماوى فى جملة ما اسس من الدين المحمدى , اذ هي بلا شك مقام الا حسان الذى هو احد

اركان الدين الثلاثة التى جعلها النبى صلى الله عليه وسلم بعد ما بينها واحدا

واحدا دينا بقوله :"هذا جبريل عليه السلام اتاكم يعلمكم دينكم"(1)

Ertinya:

Maka tentang perkara awal asas tariqah atau tasawwuf maka ketahuilah bahawa tariqah itu asasnya ialah wahyu samawi dalam jumlah apa yang diasaskan dari ajaran agama Nabi Muhammad, kerana tidak ada syak lagi bahawa maqam al-ihsan itu adalah satu daripada rukun-rukun agama yang tiga yang ditetapkan oleh Nabi salla'Llahu 'alaihi wa sallam selepas daripada ia menerangkannya satu demi satu sebagai agama yang satu dengan berdasarkan kata-katanya: "Ini Jibril 'alaihis-salam datang kepada kamu dan mengajarkan agama kamu".(3) Ianya terdiri daripada Islam, Iman, dan Ihsan.

Maka Islam adalah ketaatan dan ibadat kepada Allah, Iman adalah nur dan aqidah, dan ihsan ialah maqam muraqabah dan musyahadah: iaitu:

...ان تعبد الله كانك تراه , فان لم تكن تراه فانه يراك

Ertinya: "Bahawa engkau menyembahNya seolah-olah engkau melihatNya, maka kalau engkau tidak melihatNya, Ia melihat kamu".

Kemudian berkata Sayyid Muhammad Siddiq al-Ghumari rh dalam risalah berkenaan (2)

فانه كما فى الحديث عبارة عن الا ركان الثلاثة فمن اخل بهذا المقام (الاحسان) الذي هو الطريقة , فدينه ناقص بلا شك لتركه ركنا من اركانه.فغاية ما تدعو اليه الطريقة و تشير اليه هو مقام الاحسان بعد تصحيح الاسلام والايمان.

Ertinya:

Maka sesungguhnya, sebagaimana yang ada dalam hadith itu, ianya adalah ibarat daripada rukun-rukun yang tiga itu. Maka sesiapa yang sunyi daripada makam (al-

ihsan) itu, yang merupakan perjalanan rohani (at-tariqah) maka agamanya tidak sempurna tanpa syak lagi, kerana ia meninggalkan satu rukun daripada rukun-rukunnya. Maka matlamat yang ditujukan oleh tarikah yang ditunjukkan olehnya ialah makam al-ihsan selepas daripada pengesahan (tashih) Islam dan imannya.

Dalam "al-Muqaddimah" Ibn Khaldun rh, ahli sejarah Sunni yang muktabar itu terdapat kenyataan:

وهذا العلم-يعني التصوف- من العلوم الشرعية الحادثة فى الملة,

واصله ان طريقة هؤلاء القوم لم تزل عند سلف الامة وكبارها من الصحابة والتابعين ومن بعد هم طريقة الحق والهداية , واصلها العكوف على العبادة

والانقطاع الى الله تعالى, والاعراض عن زخرف الدنيا وزينتها , والزهد ,

في ما يقبل عليه الجمهور من لذة ومال وجاه, والانفراد عن الخلق, والخلوة

للعبادة, وكان ذلك عاما في الصحابة والسلف.

Ertinya:

… dan ilmu ini, iaitu ilmu tasawwuf, ialah termasuk ke dalam ilmu-ilmu Syara' yang timbul dalam umat ini; dan asalnya ialah perjalanan rohaniah kaum mereka itu yang terus menerus berada pada Orang Salaf umat ini dan para pemimpin mereka yang besar-besar dari kalangan Sahabat dan Tabi'in dan yang datang kemudian daripada mereka yang berupa perjalanan yang hak dan hidayat (sebenarnya), dan dasarnya ialah menekuni ibadat dan memutuskan dari yang lain menuju kepada Allah, serta berpaling daripada kegemilangan dunia dan perhiasannya (yang sia-sia), juga zuhud terhadap apa yang kebanyakan manusia berhadap diri mereka kepadanya, terdiri daripada kelazatan (jasmaniah), harta kekayaan (yang berlebihan) dan kedudukan, serta terasing daripada manusia ramai (dengan syarat-syaratnya yang tepat) serta berasingan untuk ibadat, dan yang demikian itu am berlakunya dalam kalangan Sahabat dan Orang Salaf. Kemudian bila berkembang merebak perbuatan manusia berhadap diri kepada dunia (dengan cara yang menyalahi agama) dalam abad kedua (Hijrah) dan zaman selepasnya, dan manusia cenderung kepada bercampur dengan (urusan) dunia (yang sia-sia), akan mereka yang menekuni ibadat itu dikhususkan dengan panggilan nama golongan tasawwuf (as-sufiyyah). (4)

Al-Kalabadhi rh (men. 380 Hijrah) dalam "Kitab at-Ta'arruf"nya, selepas daripada memberi gambaran tentang mereka yang suci peribadinya dan agamanya dengan sesuci-sucinya dalam kalangan umat ini menyatakan:

… dalam masa hayatnya (iaitu hayat baginda saw) mereka adalah ahli Suffah (ahli serambi masjid Nabi di Madinah) dan selepas wafatnya mereka merupakan orang-orang yang paling afdhal umat ini. Selepas itu mereka yang pertama itu tidak lalai daripada menyeru yang keduanya, dan golongan tabi'in menyeru yang berikutnya, dengan lidah amalnya (iaitu dengan contoh tauladan dan perbuatan) yang membebaskannya daripada keperluan berkata-kata. Tetapi cita-cita rohani menjadi berkurang dan kekuatan azam menjadi lemah; dan dengan ini datang pula pelbagai soalan dan jawapan, kitab-kitab dan risalah-risalah; makna-makna batinnya diketahui oleh mereka yang mengarangnya, dan dada (iaitu hati) (mereka yang membacanya) bersedia untuk memahaminya. (kata Arberry ini merujuk kepada zaman Muhasibi, Junaid dll). Akhirnya maknanya hilang dan namanya sahaja yang tinggal (iaitu makna sebenar ilmu dan amalan tasawwuf hilang dan yang ada hanya nama tasawwuf sahaja), isinya menghilang dan bayangnya sahaja yang menggantinya; penghayatan sebenarnya menjadi perhiasan (bukan dicapai sebenarnya), dan pengesahan hanya menjadi hiasan. Orang yang tidak mengetahui

(hakikat kebenaran sesungguhnya) berpura-pura memilikinya, dan orang yang tidak pun menggambarkannya memperhiaskan dirinya dengannya; orang yang ada atas lidahnya sahaja menafikannya dengan amalannya, dan orang yang mempertunjukkannya dalam huraian-huraiannya menyembunyikannya dengan dengan fe'el perbuatannya yang sebenarnya. Perkara yang bukan termasuk ke dalamnya dimasukkan ke dalamnya, apa yang tidak ada di dalamnya dinisbahkan kepadanya; yang benar itu dijadikan palsu, dan orang yang mengenalnya dikatakan jahil. Tetapi mereka yang mengalaminya (hakikat yang sebenarnya) memencilkan diri, kerana ghairah terhadapnya: orang yang memberi gambaran tentangnya menjadi senyap, kerana ghairah terhadapnya. Maka hati manusia lari daripadanya, dan jiwa manusia pergi; ilmu itu dan ahli-ahlinya, huraian dan amalannya menghilang; yang jahil menjadi orang-orang yang berilmu, dan yang berilmu itu menjadi pembimbing. (5)

Nyata bahawa tasawwuf pada makna dan hakikatnya, pada ahli tasawwuf dalam Islam sendiri, adalah ilmu dan pengalaman yang bermula semenjak zaman Nabi dan Sahabat lagi, dan seterusnya.

Al-Kalabadhi rh menyatakan dalam bahagian awal kitabnya itu bahawa ia menulis ini ialah:

… untuk mempertahankan mereka (iaitu ahli tasawwuf dan ilmu mereka) daripada kedengkian mereka yang dengki, juga daripada penafsiran jahat mereka yang jahil (termasuk yang dipengaruhi oleh unsur-unsur anti kerohanian zaman sekarang); manakala dalam masa yang sama kitab ini menjadi sebagai pembimbing bagi mereka yang menjalani jalan menuju kepada Allah, dan memerlukan Allah bagi mencapai penghayatan perkara ini. Saya lakukan ini selepas mengkaji dan mempelajari dengan mendalamnya tulisan-tulisan mereka yang ahli dalam bidang ini, dan menapis dan memilih kisah-kisah mereka yang benar-benar mencapai penghayatan yang sebenarnya: lebih-lebih lagi saya berhubung dengan orang-orang yang sedemikian itu, dan bertanya kepada mereka (bukan hanya mengandai-andai mengikut teori sendiri atau yang dipengaruhi oleh para Orientalis yang serong pandangannya) … (6).

Abu 'Abdullah Muhammad Siddiq al-Ghumari menyatakan (7):

Dan apa yang menyokong dan menguatkan apa yang disebut oleh Ibn Khaldun rh tentang sejarah lahirnya tasawwuf ialah apa yang disebutkan oleh al-Kindi, dan beliau adalah orang kurun ke empat (Hijrah), dalam kitab "Wulat Misr" dalam peristiwa tahun dua ratus; bahawa timbul di Iskandariah golongan yang dipanggil dengan nama Sufiyyah yang menyuruh kepada melakukan kebaikan. Demikian pula apa yang disebutkan oleh al-Mas'udi dalam "Muruj adh-Dhahab" dalam menghikayatkan (hal itu) dari Yahya bin Aktham. Maka katanya: 'Sesungguh nya Khalifah al-Ma'mun pada suatu hari duduk dalam majlis penghadapannya waktu itu masuklah bertemu dengannya 'Ali bin Salih al-Hajib; katanya: 'Amir al-Mu'minin, ada seorang lelaki berdiri dipintu, ia memakai pakaian putih yang kasar, ingin masuk untuk berbincang, maka aku ketahui ia adalah dari golongan sufiyah. Maka dua kisah ini menjadi saksi bagi kata-kata Ibn Khaldun (dan juga kata-kata al-kalabadhi-p) tentang timbulnya tasawwuf.

Selepas berbicara tentang perkembangan tasawwuf semenjak zaman Nabi, para Sahabat dan Tabi'in dan seterus, dan selepas berbicara tentang mereka yang tidak disetujuinya, Ibn Khaldun rh memberi penghargaan dan pengakuan tentang golongan sufiyyah dan ilmu serta pengalaman mereka. Katanya: (8)

Mengenai perbincangan mereka tentang latihan rohani, dan maqam-maqam, tentang pengalaman mistik dan keghairahan rohani yang dicapai hasil daripadanya, dan tentang muhasabah diri berkenaan dengan (mungkin)terjadinya kekurangan dalam perkara-

perkara penyebab pencapaian pengalaman-pengalaman ini, ini adalah perkara-perkara yang tidak seorangpun wajar menolaknya. Pengalaman-pengalaman kerohanian para ahli tasawwuf itu benar adanya, dan realisasinya adalah intisari dari kebahagiaan.

Adapun tentang *karamah* yang dialami oleh para ahli sufi, berita tentang hal-hal ghaib, serta kegiatan mereka di kalangan makhluk ciptaan Tuhan, ini juga benar adanya dan tidak dapat ditolak, meskipun sebahagian dari ulama cenderung untuk menolaknya. Ini tidak benar. Ustaz Abu Ishaq al-Isfara'ini seorang ulama terkemuka aliran Ash'ari berhujah menolak menolak perkara tersebut kerana mungkin ianya menjadi terkeliru dengan mu'jizat. Bagaimanapun para ulama ahli tahkik yang muktabar dan berwibawa di kalangan Ahlis-Sunnah telahpun membuat perbezaan yang jelas antara karamah para Sufi dengan mu'jizat yang sama-sama bersifat ghaib. Mereka mengatakan bahawa tidak mungkin mu'jizat terjadi menurut pengakuan orang yang bohong. Logik menuntut bahawa bahawa mu'jizat menunjukkan benarnya (orang yang berkenaan). Secara takrifnya mu'jizat boleh disahkan. Kalau ianya berlaku pada pembohong, ianya tidak boleh disahkan, dan ianya akan berubah cirinya, dan itu tidak munasabah. Alam wujud ini telah membuktikan banyak terjadinya karamah. Penolakannya berupa satu pendekatan membesarkan diri. Karamah juga terjadi pada para Sahabat sekitar Nabi Muhammad saw dan para Muslimin zaman awal Islam. Itu berita yang terkenal dan masyhur.

Kebanyakan dari perbincangan para Sufi tentang kasyaf dan penerimaan hakikat-hakikat alam yang lebih tinggi ('alawiyyat) dan susunan tertib timbulnya makhluk-makhluk yang dijadikan, dari satu segi, termasuk ke dalam perkara-perkara yang tidak nyata maksudnya (mutashabih). Sebab itu berdasarkan pengalaman intuitif para Sufi dan mereka yang tidak ada pengalaman intuitif itu tidak dapat merasakan pengalaman (yang diterima oleh mereka). Tidak ada bahasa yang boleh melafazkan perkara-perkara yang (para Sufi) hendak kemukakan dalam hubungan ini, kerana bahasa hanya diciptakan hanya untuk (mengungkapkan) konsep-konsep yang diterima umum di kalangan manusia ramai, yang kebanyakanannya digunakan untuk benda-benda yang dikesani pancaindera. Oleh itu maka kita perlu bersusah payah menyusahkan para Sufi dengan membincangkan perkara-perkara ini. Kita biarkan sahaja perkara-perkara demikian itu, sebagaimana kita membiarkan sahaja kenyataan-kenyataan mutashabihat (dalam Qur'an dan Sunnah). Mereka yang Allah kurniakan sedikit sebanyak pengertian tentang ungkapan-ungkapan (para Sufi demikian) dengan cara yang bersesuaian dengan makna lahiriah hukum Syara' sesungguhnya mencapai kebahagiaan.

Akhirnya, berkenaan ungkapan-ungkapan yang menimbulkan syak yang disebut oleh para Sufi sebagai "kata-kata dalam keghairahan rohaniah" (al-shatahat) yang menyebabkan timbul kecaman ahli Syariat. Ketahuilah, dalam hubungan dengan perkara-perkara seperti ini, maka yang adilnya terhadap (para Sufi itu) ialah kita (memerhatikan) bahawa mereka adalah kaum yang terkeluar daripada pengamatan dan pengesanan pancaindera. Ilham atau inspirasi telah menakluki mereka. Dengan itu maka mereka menyatakan perkara-perkara dalam pengalaman mereka yang bukan perkara yang mereka hendak nyatakan. Seseorang yang terkeluar daripada pengamatan dan pengesanan pancaindera tidak boleh diajak berbicara. Orang yang dipaksakan melakukan tindakan dimaafkan (bila ia melakukan sesuatu itu). Para Sufi yang terkenal dengan keunggulan watak mereka yang patut dicontohi, dianggap bertindak dengan jalan yang benar dalam perkara ini dan yang sebangsa dengannya. Adalah sukar bagi seseorang itu mengucapkan kata-kata dalam keghairahan rohaniah, kerana belum ada cara-cara yang dikenali untuk mengungkapkannya. Inilah pengalaman Abu Yazid al-Bistami dan yang lainnya seperti beliau itu. Bagaimanapun orang-orang tasawwuf yang keunggulannya belum dikenali dan yang tidak termaklum terkenal, patut diambil salah

kalau mereka membuat ungkapan-ungkapan demikian, kerana (maklumat) yang menyebabkan kita membuat penafsiran (untuk menghilangkan sangka buruk terhadap mereka) adalah tidak jelas bagi kita. (Tambahan lagi, mana-mana orang tasawwuf) yang bukan terkeluar daripada pengamatan dan pengesanan pancaindera dan yang bukannya dikuasai oleh hal kerohanian, bila mereka itu mengeluarkan kata-kata jenis ini, mereka juga patut diambil salah. Oleh itu, para fuqaha dan ahli sufi memutuskan hukuman bahawa al-Hallaj mesti dibunuh sebab ia bercakap (secara kata-kata dalam keghairahan rohanian) sewaktu beliau tidak dalam keadaan terkeluar (daripada pengamatan dan pengesanan pancaindera) tetapi dalam keadaan mengawal hal rohani dirinya. Dan Allah Maha Mengetahui.

Para ahli sufi yang awal itu yang disebut dalam kitab *al-Risalah* (karangan al-Qushairi rh), dan pemuka-pemuka Islam yang telah kami sebutkan sebelum ini tidak pernah mempunyai keinginan membuka tabir (kashf al-hijab) dan hendak mempunyai pemandangan (yang bersifat alam ghaib) seperti itu. Perhatian mereka hanya untuk mengikut tauladan unggul mereka dan mengamalkan cara hidup utama setakat yang termampu oleh mereka. Kalau mereka mengalami pengalaman alam ghaib, mereka mengelak daripadanya dan tidak mempedulikannya. Bahkan mereka cubamengelak diri daripadanya. Mereka berpendapat hal itu adalah satu halangan dan ujian yang termasuk ke dalam persepsi jiwa yang biasa, dan oleh itu sesuatu yang diciptakan. Mereka juga mengatakan bahawa persepsi manusia tidak boleh mencakupi semua yang maujud, dan bahawa Ilmu Allah adalah Lebih Luas, makhluk ciptaanNya lebih besar, dan Hukum Syara'Nya lebih boleh menjadi pertunjuk (berbanding dengan pengalaman kerohanian apapun). Oleh itu mereka tidak berbicara tentang mana-mana persepsi (kerohanian luar biasa mereka). Bahkan mereka melarang perbincangan mengenai persoalan itu dan mencegah para pengikut mereka yang tabir (pengamatan dan pengesanan pancainderanya) telah tersingkap daripada berbicara tentang perkara itu, atau daripada memberi perhatian kepada perkara-perkara itu. Mereka secara terus menerus mengikut tauladan dan menurut kehidupan yang patut dicontohi sebagaimana yang mereka telah lakukan dalam dunia persepsi pancaindera sebelum terangkat (lapisan hijab), dan mereka menyuruh para murid mereka melakukan perkara yang sama. Demikian seharusnya keadaan seorang sufi yang baharu dalam perjalanan (murid). Dan Allah-lah Yang memberi kejayaan sesungguhnya.

Penulis membuat nukilan ini untuk memberi perhatian kepada kedudukan ilmu ini dan para ahlinya di kalangan Ahlis-Sunnah wal-Jamaah, supaya dengan itu kenyataan-kenyataan yang tidak patut timbul terhadap golongan ini, iaitu golongan sufiah sebenarnya, berbeza daripada golongan yang tidak sebenarnya, yang berpura-pura, tidak timbul menjadi masalah palsu dalam umat kita ini.

Tanpa keperluan memberi perhatian kepada perkara-perkara lain lagi seperti takrif tasawwuf misalnya, yang sudah termaklum, penulis ingin meneruskan perbincangan tentang perkembangan tasawwuf dalam umat Islam.

Ilmu dan amalan tasawwuf itu berkembang terus, walaupun pernah mendapat tentangan dari setengah fuqaha, ianya mendapat pembelaan daripada ramai ulama, khususnya Imam al-Ghazali rd (meninggal tahun 1111 Masihi (505H)) yang mengesahkan kedudukan tasawwuf sebagai satu daripada ilmu-ilmu yang diakui dalam Ahlis-Sunnah wal-Jama'ah, antaranya sebagaimana yang dinyatakannya dalam "Kitab al-'Ilm" dalam Ihya'nya dan juga kitab autobiografi rohaninya 'al-Munqidh mina'd-Dalal'. Dengan itu maka kedudukan tasawwuf menjadi teguh dalam skema ilmu Ahlis-Sunnah wal-Jamaah.

Kajian sarjana Barat yang terbaik sampai kini tentang perkembangan tariqah-tariqah dan tasawwuf dalam Islam ialah *The Sufi Orders in Islam* oleh J. Spencer Trimingham

(9). Bagaimanapun kita bukanlah hendak mendetail tentang perkembangan ini. Yang penting ialah dalam abad-abad ke 14 dan ke 15 zaman al-Maqrizi garis-garis perkembangan tariqah-tariqah sufiyyah itu terbentuk dengan jelas nyata dalam Alam islam.(10). Beliau membuat kenyataan berkenaan dengan "para fuqara' Ahmadiyyah dan Rifa'iyyah" di Kahirah. Dan lebih kurang pada masa yang sama golongan Qadiriyyah mula berkembang dan satu cawangan daripadanya dibentuk di Damsyik pada akhir abad ke 14 Masihi. Maqrizi menyatakan bahawa Azhar terbuka untuk para sufi dan majlis zikir diadakan di sana.Di kota-kota Islam lainnnya tariqah-tariqah sufiyyah berkembang mendapat pengikut-pengikutnya.

Antara tariqah-tariqah yang dibicarakan ialah Suhrawardiyyah - dari nama Abun-Najib al-Suhrawardi rh 'al-Rifa'iyyah, Qadiriyyah, al-Syadhiliyyah, al-Kubrawiyyah, al-Yasaviyyah, al-maulawiyyah, Khawajagan-Naqsyabandiyyah, Chistiyyah, Suhrawardiyyah di India, dengan cawangan-cawangannya pula. Antaranya ialah tariqah Tijaniyyah, Darqawiyyah dan cawangan-cawangannya, Ahmadiyyah, Mirghaniyyah, Sanusiyyah.(bab 2, 3 dan 4 karangan Trimingham). Tariqah-tariqah itu tersebar ke Nusantara dengan kedatangan Islam ke rantau ini.

Antara maklumat-maklumat tentang perkembangannya boleh didapati dari penyelidikian Martin Van Bruinessen dengan bukunya *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat,* (11), Hj Wan Mohd Saghir Abdullah dengan *Penyebaran Thariqat-Thariqat Shufiyyah Mu'tabarah di Dunia Melayu* (12), A.H.Johns dengan *Malay Sufism*nya (13), dan huraian klasik tentang kedatangan Islam di Dunia Melayu bertajuk *The Preaching of Islam,* karangan T. W. Arnold (14) dan beberapa artikel dalam JMRAS oleh Dr Drewes dan lainnya. Termasuk antara yang terpentingnya ialah buku *The Propagation of Islam in the Indonesian-Malay Archipelago,* diedit oleh Alijah Gordon yang diterbitkan oleh MSRI baru-baru ini, yang terdiri daripada penyelidikan beberapa sarjana seperti Kern, Drewes, dan lain-lainnya.

Tanpa berpanjang kalam tentang ini, sebab minat penulis bukan sangat segi sejarahnya, tetapi aspek-aspek lainnya, maka memadailah kalau dibuat beberapa kenyataan berkenaan dengan pengembangan tariqat dan tasawwuf di Dunia Melayu ini dengan mengambil kira beberapa seginya sahaja.

Dalam merumus kembali dengan ringkas tentang kedatangan Islam ke Dunia Melayu, M.V.Bruinessen menyebut kembali tentang kedatangan itu berlaku melalui perdagangan, aliansi politik antara para pedagang Muslim dan raja, perkahwinan antara para pedagang Muslim dengan para puteri bangsawan tempatan, sedikit sekali berlaku penggunaan pedang di dalamnya, secara umum proses pengembangannya berjalan dengan seruan Islam secara damai. Terdapat pendapat bahawa tasawwuf memainkan peranan yang menentukan dalam proses itu (15). Dan ini faktor penting untuk kita bicarakan.

Antara fakta-fakta yang berfaedah diingatkan berhubungan dengan perkembangan tasawwuf di Dunia Melayu ialah beberapa tarikh berkenaan dengan ahli-ahli sufi yang terkemuka Alam Islam. Antaranya ialah Imam al-Ghazali yang banyak berbicara segi akhlak dalam tasawwuf. Ibn 'Arabi yang banyak menimbulkan pengaruh kemudiannya (men. 1230 Masihi). 'Abd al-Qadir al-Jilani yang menjadi asas tariqah Qadiriyyah (men. 1166 Masihi), dan Abun-Najib al-Suhrawardi yang namanya menjadi nama bagi tariqah Suhrawardiyyah (wafat tahun 1167 Masihi). Najmuddin al-Kubra, tokoh sufi Asia Tengah pendiri tariqah al-Kubrawiyyah, dan berpengaruh terhadap tariqah Naqsyabandiyyah (men. 1221), Abul-Hasan a-Syazili sufi Afrika Utara pendiri tariqah yang memakai namanya (men. 1258), dan Baha'uddin al-Naqsyaband (men. 1389) dan pendiri tariqah Syattariyyah (men. 1428-9). (16).

Boleh dikatakan bahawa ajaran Islam yang disampaikan kepada Dunia Melayu sangat dipengaruhi oleh ajaran tasawwuf. Para sejarahwan menyatakan bahawa inilah yang menyebabkan Islam menarik kepada mereka di Asia Tenggara, dan boleh dikatakan bahawa tasawwuf dengan ajaran dan amalannya menyebabkan berlakunya proses Islamisasi Asia Tenggara, selain daripda faktor-faktor lainnya.

A. H. Johns ahli sejarah Australiaitu menyatakan bahawa Islamisasi tersebut berlaku dengan adanya dakwah yang cergas dilakukan oleh para penyebar sufi yang datang bersama-sama dengan para pedagang Muslim. Parapendakwah yang bersifat sufi ini disebutkan dalam punca-punca pribumi. Berhubungan dengan perkembangan tariqah dan tasawwuf sumber-sumber paling awal nampaknya berasal dari akhir abad ke-16.

Nampaknya dalam naskhah-naskhah Islam yang palingtua dari Sumatera dan Jawa yang ada sekarang yang dibawa ke Eropah sekitar tahun 1600 ditemui tidak hanya risalah-risalah tasawwuf dan cerita-cerita ajaib berasal dari Parsi dan India tetapi juga kitab fiqh yang sahih. (17). Risalah-risalah agama berbahasa Jawa paling tua yang masih ada sekarang nampaknya menunjukkan adanya usaha mencari keseimbangan antara ajaran akidah, fiqh dan tasawwuf. Hanya dalam tulisan-tulisan Jawa pada masa belakangan ini adanya ajaran-ajaran tasawwuf yang jauh lebih kental. Tentang tariqah nampaknya tidak begitu banyak pengikut sebelum akhir abad ke-18 dan 19. (18).

Para Sufi Sumatera:

Dalam Aceh di abad ke-16 dan ke-17 terkenal nama-nama ahli tasawwuf seperti Hamzah fansuri, Nuru'd-Din al-Raniri, dan 'Abdu'r-Rauf Singkel yang semuanya merupakan ulama terkenal di Aceh waktu itu. Aceh waktu itu penting sebagai wilayah penghasil ladang dan ia terlibat dalam perdagangan internasional waktu itu. Para rajanya mencintai ilmu pengetahuan dan seni dan dengan itu ianya menjadi pusat utama perkembangan ilmu-ilmu Islam. Hamzah mengungkapkan secara canggih dengan bahasa yang tinggi antara melalui syair ajaran sufi yang bersifat wahdatul-wujud. Dalam pengembaraannya yang banyak di Arabia, Baitul Maqdis, Baghdad, Ayuthia ia mendapat hubungan dengan golongan sufiah. Diisyaratkan bahawa ia mendapat hubungan dengan tariqah Qadiriah.Bagaimanapun namanya tidak tertera dalam silsilah Qadiriah Nusantara.

Selain Hamzah ialah Shamsuddin (men. 1630) yanhg menulis dalam Bahasa Melayu dan Arab. Dia orang pertama nampaknya yang memberi huraian tentang martabat tujuh yang berupa adaptasi dari teori yang ada dalam karangan Ibn 'Arabi, yang kemudiannya menjadi popular di Dunia Melayu. Dikatakan mungkin beliau mengikut jejak pengarang dari Gujerat iaitu yanjg bernama Muhammad Fadlu'Llah Burhyanpuri dengan kitab karangannya *al-Tuhfah al-Mursalah ila Ruh al-Nabi* yang diselesaikan tahun 1590 yang menjadi popular di kalangan Muslimin Dunia Melayu. Shamsuddin adalah tidak diketahui samaada ia mengadakan perjalanan ke India atau ke Tanah Arab dan mungkin ia mengenali karangan Burhanpuri di Aceh dan bukan sangat di Indiaatau di Tanah Arab. Burhanpuri pula berikat dengan tariqah Syattariyyah, tetapi tidak diketahui adakah Shamsuddin berikat dengan tariqat itu. Yang diketahui kemudiannya tariqat Syattariyyah menjadi popular di Nusantara melalui mereka yang menunaikan ibadat haji. (19).

Nuru'd-Din al-Raniri berasal dari Gujerat, India.Beliau menetap di Aceh selama tahun 1637-44 dan menjadi tokoh yang sangat berpengaruh dan beliau adalah penasihat raja. Keluarganya sudah pernah berhubung dengan orang-orang Aceh; bapa saudaranya bernama Muhammad Jilani al-Raniri menjadi guru di Aceh. Nuruddin menyatakan bahawa bapa saudaranya datang ke Aceh untuk mengajar fiqh, tetapi didesak oleh

keadaan untuk terlibat dalam perdebatan tentang ajaran-ajaran tasawwuf; lalu ia pergi ke Mekah untuk mendapat ilmu yang diperlukan, dan setelah pulang dari sanaia mendapat ramai muridnya di Aceh. Nurud-din mengadakan polemik menentang murid-murid Syamsuddin yang dituduhnya menganut faham pantheisme atau serba-Tuhan sampai mereka dikenakan hukum bakar. Kemudiannya beliau terpaksa meninggalkan Aceh

Nuruddin sendiri menganut faham wahdatul-wujud “yang lebih moderat” (20). Pada faham ini dunia pada hakikatnya tidak ada dan hanya merupakan cerminan atau bayangan dari Hakikat yang sebenarnya. (21). Beliau sendiri mengamalkan tariqah Rifa’iyyah dan silsilah yang diberikannya dalam salah sebuah bukunya menunjukkan bahawa cawangan tariqah yang dianutnya sudah ada di Gujerat, beberapa generasi sebelumnya, dengan orang Arab asal dari Hadhramaut sebagai syeikhnya. Pada abad ke-19 tariqah itu tetap bertahan di Aceh.

Dalam abad-abad kemudian berbagai cawangan tariqah di India sampai ke Dunia Melayu melalui Makkah dan Madinah di mana mereka memberi bai’ah di sana. Nampaknya inilah caranya tariqah Syattariyyah yang berasal dari India itu sedemikian kuat pengaruhnya di Jawa dan Sumatera.

Berkenaan dengan ‘Abdu’r-Rauf Singkel, sufi besar Aceh yang terakhir, boleh diingatkan beliau ini menghabiskan masanya tidak kurang dari 19 atau 20 tahun di Makkah dan Madinah, dan mempalajari ilmu-ilmu Islam pada para ulama besar di sana pada zaman itu. Bila kembali pada tahun 1661 beliau menjadi faqih terkemuka di Aceh dan juga guru sufi yang terkenal, yang memberi perimbangan antara mereka yang mendahuluinya. Beliau mengajarkan wirid dan zikir Syattariyyah. Beliau mngembangkan tariqah ini sampai ianya tersebar dari Aceh ke seluruh Sumatera dan Jawa sampai sekarang. (22).

Tanah Arab -Mekah dan Madinah Sebagai Pusat Perkembangan Tasawwuf Asia Tenggara:

Ibadat haji merupakan kemuncak cita-cita kehidupan Muslim yang taat. Maka Muslimin di Dunia Melayu yang berkemampuan datang ke Tanah Suci untuk menunaikan ibadat haji mereka, dan dalam masa yang sama ada dikalangan mereka yang menetap di sana. Nampaknya bilangan meraka yang menunaikan haji agak ramai berbanding dengan mereka yang datang dari wilayah lain apa lagi bila diambil kira jaraknya yang jauh dari Dunia Melayu.Orang-Orang Nusantara yang datang ke sana mempelajari ilmu-ilmu Islam dan ada di kalangan mereka yang mengambil tariqah daripada para ulama terkenal di sana, dan kemudiannya membawa ajaran itu pulang ke Nusantara.

Pada abad ke 17 antara ulama yang terkenal itu ialah Syaikh Ahmad al-Qasyasyi, Ibrahim al-Kurani, dan putra Ibrahim, Muhammad Tahir di Madinah. Pada abad ke 18 pula ulama Madinah yang terkenal Syaikh Muhammad al-Samman sangat berpengaruh ke atas oang-orang Dunia Melayu. Pada pertengahan abad ke-19 ulama dan sufi asli Indonesia, Ahmad Khatib Syambas di Makkah menjadi pusat perhatian utama orangf-orang Jawa, dan dalam separuh yang kedua abad yang sama suyaikh-syaikh di zawiyah tariqah Naqsyabandiyyah di Jabal Qubais di Makkah mengatasi pengaruh ulama lainnya.(23).

Al-Qasyasyi (men. 1660) dan al-Kurani (men. 1691) merupakan wakil gabungan tradisi India dan Mesir. Di satu pihak mereka pewaris keilmuan sebagai ulama dari Zakaria Ansari dan ‘Abd al-Wahhab al-Sha’rani dalam fiqh dan tasawwuf, dan dari segi lain pula

mereka mengambil bai'ah menjadi pengikut tariqah dari India, yang paling berpengaruh antaranya ialah tariqah Syattariyyah dan Naqsyabandiyyah. Dua tariqah ini mulanya diperkenalkan di Madinah oleh seorang India bernama Sibghatu'Llah yang menetap di sana sejak tahun 1605. Al-Kurani, seorang Kurdi, mungkin mengenal persuratan Islam dalam Bahasa parsi datri India; selain itu ia ahli hadith dan suka pula kepada metafisika. Dalam beberapa pertelingkahan pendapat yang sengit nampaknya ulama Indiamenjadikannya sebagai rujukan. Orang Dunia Melayu juga nampaknya demikian sikapnya.Atas permintaan mereka beliau menulis syarah atas kitab Tuhfah karangan Burhanpuri, dengan memberi penafsiran aliran Ahlis-Sunnah.

Antara tariqah yang diajarkan oleh al-Qasyasyi dan al-Kurani tariqat Syattariyyah digemari oleh orang Indonesia.Di Timur Tengah kedua syaikh ini terkenal sebagai penganut tariqah Naqsyabandiyyah. 'Abdu'r-Rauf yang tersebut di atas murid paling terkenal dari keduanya merupakan ulama paling terkenal antara murid mereka, tapi mungkin ada ramai lagi murid-murid mereka itu selain daripadanya. 'Abdu'r-Rauf dihantar ke Dunia Melayu sebagai khalifah.

Selama beberapa generasi para penuntut ilmu dari Dunia Melayu di Tanah Arab belajar pada para pengganti al-Kurani dan mengambil bai'ah untuk mengikut tariqah Syattariyyah.Pada pendapat M. Van Bruinessen melalui tariqah inilah berbagai gagasan metafisika tasawwuf dan klasifikasi simbolik yang didasarkan atas ajaran martabat tujuh menjadi bahagian daripada kepercayaan popular orang Jawa.

Seorang ulama lagi yang srezaman dengan 'Abdu'r-Rauf ialah Yusuf Makassaryang dimuliakan sebagai wali utama Sulawesi Selatan. Dia menghabiskan masanya dua dekad di Tanah Arab dan belajar dengan Ibrahim al-Kurani dan lainnya dan mengembara sampai ke Damsyik. Beliau mengambil bai'ah sejumlah tariqah dan mendapat ijazah untuk mengajarkan tariqah Naqsyabandiyyah, Qadiriyyah, Syattariyyah, Ba'lawiyyah, dan Khalwatiyyah; juga beliau mengaku pernah mengikuti tariqah Dusuqiyyah, Syadhiliyhyah, 'Aydrusiyyah, Chistiyyah, Ahmadiyyah, Madsriyyah, Kubrawiyyah, dan lainnya. Setelah beliau pulang ke Dunia Melayu pada tahun 1670 beliau mengajar apa yang dikatakannya sebagai tariqah Khalwatiyyah, tetapi berupa teknik kerohanian Khalwatiyyah dan yang lain-lainnya. Tariqah beliau ini berpengaruh di Sulawesi Selatan, terutama di kalangan golongan bangsawan Makassar.

Hampir seratus tahun kemudian orang-orang Jawah di Tanah Arab tertarik kepadaa ajaran ulama yang sangat krismatik iaitu Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Samman (men. 1775) di Madinah. Beliau seorang penjaga makam Nabi saw dan pengarang beberapa kitab metafisika sufi; beliau dikenal sebagai pendiri sebuah tariqah baru sehingga beliau menjadi orang yang berpengaruh. Dia menggabungkan tariqah Khalwatiyyah, Qadiriyyah, dan Naqsyabandiyyah, dengan tariqah Syaziliyyah dari Afrika Utara. Perpaduan baru ini dengan ratib barunya dikenali sebagai tariqah Sammaniyyah Ini menjadi tariqah tersendiri dengan zawiyahnya tersendiri pula. Beliau terkenal dengan banyak peristiwa-peristiwa luar biasa yang berlaku dalam hubungan dengannya. Muridnya yang paling terkenal di Dunia Melayu ialah Syaikh 'Abdu's-Samad al-Falimbani, yang sangat berpengaruh dalam ahli masyarakat dari Dunia Melayu di Tanah Suci dan beliau mengarang sejumlah kitab yang penting dalam Bahasa Melayu. Beberapa ulama lain bersama dengan tariqah Sammaniyyah ini dan tariqah ini mendapat tempat terhormat dalam kalangan kesultanan palembang, bahkan setelah wafat al-Samman Sultan palembang menyediakan dana untuk membangun zawiyah Sammaniyyah di Jiddah.

Setelah wafat al-Samman ramai orang Dunia Melayu yang belajar dengan khalifahnya bernama Siddiq bin 'Umar Khan.Mereka menyebarkan tariqah ini di Kalimantan Selatan,

Batavia, Sumbawa, Sulawesi Selatan, dan Semenanjung Tanah Melayu.Muhamnmad Nafis al-banjari (dari kalimantan Selatan) menulis karya penting dalam bahasa Melayu iaitu *al-Durrun-Nafis.*

Qadiriyyah wa Naqsyabandiyyah merupakan tariqah gabungan serupa dengan Sammaniyyah, yang di dalamnya teknik-teknik kerohanian tariqah Qadiriyyah dan Naqsyabandiyyah merupakan unsur utamanya, tetapi selain dari itu ada juga unsur-unsur lainnya. Tariqah ini adalah tariqah muktabar yang didirikan oleh ulama Dunia Melayu, Ahmad Khatib Syambas. Beliau yang menghabiskan masa dewasanya di Makkah sangat dihormati di luar kalangan orang Dunia Melayu sebagai ulama yang serba tahu yang menguasai fiqh, akidah dan juga tasawwuf.Ia mendapat ramai murid dan kemudian tariqah ini mengantikan tariqah Sammaniyyah sebagai tariqah yang paling popular di Dunia Melayu.Setelah beliau wafat tahun 1873, atau 1875, khalifahnya 'Abd al-Karim dari Banten mengantinya sebagai syaikh tertinggi tariqah itu. 'Abd al-Karim kena kembali dari Banten ke Mekah untuk mengganti kedudukan syaikh. Dua khalifah utama lainnya ialah Kiai Tolhah di Ceribon dan seorang kiai di Madura.'Abd al-Karim adalah pimpinan pusat terakhir tariqah ini.

Qadiriyyah wa Naqsyabandiyyah sekarang ini merupakan salah satu dari dua tariqat yangmemiliki jumlah pengikut yang paling besar di Nusantara. Yang satu laginya ialah tariqah Naqsyabandiyyah Khalidiyyah yang tersebar ke seluruh Dunia Melayu berkat zawiyah yang didirikan oleh khalifah dari Maulana Khalid , 'Abdul 'Aziz al-Arzinjani di jabal Abu Qubais, Makkah. Para pengganti 'Abdullah, Sulaiman al-Kirimi, Sulaiman al-Zuhdi, dan 'Ali Ridha mengarahkan supaya penyebaran tariqah itu terutama kepada orang-orang Jawah yang datang ke Mekah dan Madinah dalam bilangan yang sangat ramai dalam dekad-dekad terakhir abad ke-19. Antara pengembang tariqah Naqsyabandiyyah-Khalidiyyah yang sedang aktiv sekarang ialah Habib Anwar yang pusat kegiatan Nusantaranya ialah di Singapura, dan anak buahnya ada mempunyai pusat suluk di Terengganu, Malaysia

Perkembangan tariqah-tariqah Syattariyyah, Qadiriyyah, Naqsyabandiyyah, Rifa'iyyah, Ba'lawiyyah, Khalwatiyyah, Ahmadiyyah Idrisiyyah, dan Rahmaniyyah di bicarakan dengan lanjut lagi oleh sdr Hj Wan Mohd Saghir Abdullah dalam buku barunya *Penyebarann Thariqah-Thariqah Shufiyyah Mu'tabarah di Dunia Melayu,* terbitan Khazanah Fathaniyyah, Kuala Lumpur, 2000.

Dalam buku itu beliau bukan sahaja menerangkan aspek-aspek sejarah tariqah-tariqah serta dengan peribadi-peribadi penting di dalamnya tetapi juga wirid-wirid dan amalan-amalannya. Penulis ini tidak hendak berpanjang kalam lagi berkenaan dengan hal ini.

Segi Ajaran-Ajarannya:

Secara ringkasnya dilihat dari segi ajarannya tasawwuf yang berkembang di Nusantara, sebagaimana juga tasawwuf asalnya ialah merupakan ajaran aspek rohaniah Islam yang mengintesifikasikan keimanan dan keIslam seseorang atau masyarakat itu. Dengan penekanan atas aspek al-ihsan itu, dengan pemusatan atas akidah yang sahih, sera perlaksanaan ibadat yang baik dan ikhlas, berserta dengan pemupukan sifat-sifat yang murni, maka keIslaman orang yang berkenaan itu mencapai ketinggiannya dengan berkesannya.

Ianya boleh dilihat dari segi mu'amalahnya, sebagaimana yang dihuraikan oleh Imam al-Ghazali rd dalam *Ihya'*nya dan juga kalau di Nusantara sebagaimana yang dihuraikan oleh Syaikh 'Abdus-Samad al-Falimbani dalam *sair as-Salikin*nya. Sebab itu dalam *Ihya'*

dan *Sair as-Salikin* maka ditumpukan perhatian kepada aspek ibadat, muamalah, pembersihan daripada sifat-sifat yang keji, dengan aspek-aspek yang diperlukan dari psikologi rohaniah, dan kemudiannya ditumpukan kepada sifat-sifat yang mulia dan bagaimana membentuknya dalam peribadi manusia.kandungan yang sama boleh dilihat dalam *Ihya'* karangan Imam al-Ghazali. Demikian pula isi kandungan kitab *Ma'uizatul-Mu'minin* karangan Jamaluddin al-Qasimi yang merupakan ringkasan kitab *Ihya'.* Kitab *Hikam* To' Pulau Manis yang dikaji oleh Dr Shafie Abu Bakar juga berbicara berkenaan dengan sifat-sifat kerohanian yang lebih intensif sesuai dengan perkembangan mereka yang sudah terkesan dengan baik perjalanannya.Kitab *Minhaj al-'Abidin* karangan Imam al-Ghazali yang diterjemahkan oleh Syaikh Daud al-Fatani dalam abad ke 18 juga berbicara bagaimana mencapai tingkatan-tingkatan dalam perjalan manusia menjayakan ibadat dan pengabdian kepada Tuhan dengan membentuk sifat-sifat utama dengan ilmunya, taubatnya, pembuangan halangan-halangannya sepoerti dunia, nafsu, syaitan, makhluk, demikianseterusnya. Bagaimana membuang sifat-sifat ria, pemalas dalam ibadat, takbur, bagaimana membentuk sifat tawakkal, syukur, puji, redha dan seterusnya dalam rangka menyempurnakan pengabdian manusia kepada Tuhan dan menyempurnakan sifat-sifat rohaniah dirinya.

Antara teks-teks itu ada yang menyentuh sedikit sebanyak aspek-aspek psikologi rohaniah dan perkara-perkara metafisika yang mungkin menimbulkan masalah kepada setengah kalangan.

Apapun yang hendak dikatakan, kedudukan tasawwuf dan tariqah-tariqah tetap ada di Dunia Melayu, hanya ada beberapa masalah yang harus dicarikan penyelesaian, selain daripada masalah-masalah golongan-golongan yang tentu secara terang nyata sesat danb menyeleweng pegangan dan kepercayaannya, sebagaimana yang ditunjukkan antaranya dalamn teks seperti *Tuhfatu'r-raghibin* yang penuls ini cuba bentangkan sebahagian daripada isinya. Sebagaimana di bawah nanti.

Tentang wirid-wirid itu terserahlah kepada mereka yang mengambil bahagian dalam tariqah-tariqah yang muktabar, dengan kelainan-kelainannya dalam perkara-perkara detailnya; dalam soal akidah semuanya adalah mengikut aqidah Ahlis-Sunnah wal-Jamaah.

Bagi mereka yang tidak terlibat dengan tariqah-tariqah mereka boleh mengintensifkan wirid dan zikir dengan mengamalkan apa yang diajarkan di kalangan ulama Nusantara, misalnya apa yang biasa diamalkan, sebagaimana yang disebut oleh Syaikh 'Abdus-Samad al-Falimbani yang dinyatakan sebagai amalan yang diamalkan di Madinah dan disebarkan oleh Syaikh Ahmad al-Qasyasyi.

Pengawasan Daripada Unsur-Unsur Yang Menyeleweng:

Pada tahap ini penulis ingin memaparkan isi kandungan satu teks yang tidak tercatit nama pengarangnya, yang dikarang pada tahun 1188 Hijrah (sekitar tahun 1774), yang ada pada penulis ini ialah terbitan Sulaiman Mar'I Singapura-Pinang, tanpa tarikh. Ianya setebal 28 halaman dan mengandungi huraian tentang:

- Fasal Pertama berkenaan dengan hakikat iman;
- Fasal kedua berkenaan dengan perkara-perkara yan merosakkan iman;
- Fasal ketiga berkenaan dengan syarat yang menimbulkan murtad dan hukum-hukum yang berkaitan;

Berkenaan dengan hakikat keimanan barangkali tidak sangat diperlukan untuk memaparkannya. Pada penulis ini yang perlu dipaparkan ialah fasal kedua dan ketiga,

yang boleh dianggap sebagai aspek-aspek yang menyentuh pemurnian akidah dan oleh itu juga pegangan tasawwuf dan amalannya. Secara ringkasnya isinya ialah yang membinasakan iman, iaitu "riddah" atau kemurtadan iaitu:

1. dengan perbuatan kufur
2. perkataan kufur
3. I'tiqad kufur. Dengan sengaja, bersenda-senda, atau bantahan.
4. Perbuatan kufur: sujud kepada makhkuk dengan meletak dahi ke bumi
5. menghampirkan diri kepada makhluk dengan menyembelih kambing umpamanya
6. membuang Qur'an atau kitab syara' di tempat najis
7. membuangnya ke tempat yang keji seperti hingus
8. membuang fatwa ilmu syara' ke bumi
9. membuangnya dan berkata: "fatwa ilmu apa ini?"
10. dengan perkataan serta I'tiqad alam ini kadim atau roh kadim
11. atau Allah baharu
12. menafikan sifat Allah yang sabit dengan ijma'
13. menafikan ilmuNya tentang juziyyat
14. mengisbatkan sifat yang ditolak oleh ijma'
15. mendustakan nabi
16. mendustakan malaikat
17. meringankan keduanya atau menyembah keduanya
18. mendustakan satu ayat daripada ayat-ayat Qur'an yang ijma' ulama sabitnya.
19. menambahi satu kalimah dalam Qur'an
20. meringan-ringankan nabi
21. meringan-ringankan sunnah nabi (seperti memperlinya-p)
22. menghalalkan yang haram dengan ijma' seperti zina, liwat dan minum arak
23. mengharamkan yang halal dengan ijma' seperti berjual beli
24. menafikan yang wajib pada syara' seperti sembahyang dan puasa Ramadan
25. mewajibkann yang tidak wajib dengan ijma' seperti menambahkan sembahyang jadi enam
26. mendakwa menjadi nabi
27. membenarkan orang mengaku nabi
28. menuduh Siti 'Aisyah berzina
29. mengatakan kafir kepada orang Islam tanpa ta'wil
30. menghalalkan mengatakan kafir kepada orang Islam
31. bercita-cita akan menjadi kafir, maka kafir waktu itu juga
32. bercita-cita menjadi kafir dengan berlaku sesuatu
33. syak adakah diri sendiri kafir atau tidak, maka jadi kafir waktu itu juga
34. menyuruh orang islam masuk kafir
35. mengisyaratkan kepada orang Islam supaya masuk kafir
36. mengisyaratkan orang kafir yang hendak masuk Islam supaya ia kekal dalam kafir

37. enggan mengajar kepada orang kafir yang hendak masuk islam
38. meminta tangguh mengajar syahadah kepada orang yang hendak masuk Islam
39. senda-sendakan nama Allah
40. senda-sendakan suruhan atau tegahan Allah
41. senda-sendakan janji Allah memberi pahala atau mengenakan seksa
42. senda-sendakan nama Rasul
43. berkata: "kalau Tuhan suruh atau Rasul suruh aku taat aku tidak akan lakukan"
44. atau kata: "kalau nabi datang aku tidak akan menerimanya"
45. berkata: "kalau Allah jadikan kiblat pihak ini aku tidak akan berhadap sembahyang kepadanya"
46. kata: "kalau Tuhan jadikan si anuitu nabi aku tidak akan terima."
47. kata: "kalau aku sakit Tuhan suruh aku sembahyang Tuhan zalim"
48. kalau orang teraniaya berkata: "aku teraniaya ini takdir. Orang yang menganiaya berkata: aku yang buat bukan dengan takdir"
49. kata: "kalau seorang nabi atau malaikat naik saksi aku tidak terima"
50. kata: "aku tidak tahu nabi itu manusiakah atau jin"
51. kata: aku tak tahu apa iman itu, secara menghinakannya.
52. mengecil-ngecil satu anggota nabi dengan menghinakannya
53. mengecil-ngecilkan nama Allah
54. berkata kepada orang yang berkata "la haula wa la quwwata illa billah", itu tidak boleh menolong daripada lapar!
55. Orang yang berkata kepada orang yang bang, dusta engkau!
56. mengucap bismillah waktu minum arak dan berzina
57. berkata: aku tidak takutkan kiamat dengan meringan-ringankannya.
58. Berkata: sepinggan makanan tertentu lebih baik daripada ilmu.
59. Berkata kepada orang yang berkata: aku pertaruh hartaku kepada Allah dengan kata-kata: engkau pertaruhkan hartamu kepada pihak yang tidak boleh menyekat pencuri daripada mencuri hartamu.
60. Berkata: hai Tuhanku, matkkan olehmu akan daku, kalau engkau mahu aku Islam atau kafir.
61. Berkata, bila binasa harta dan anaknya, hai Tuhanku apa yang Engkau hendak buat denga harta dan anakku itu?
62. Orang yang mengajar kanak-kanak mengaji Qur'an berkata: kaum Yahudi terlebih baik daripada islam pada membayar hak guru.
63. kalau ada orang kafir masuk Islam yang diberi zakat, orang lain berkata: kalau aku masuk kafir kemudian Islam aku boleh dapat zakat.Orang itu jatuh kafir.
64. Menafikan Abu Bakar itu sahabat nabi
65. Kalau seseorang berkata kepadanya engkau bukan orang islam, ia pun berkata aku bukan Islam
66. kalau orang menyerunya: Hai yahudi! Ia pun menjawab, jadi kafir .
67. berkata: nabi kita hitam atau bukan Quraisy.

68. Berkata: pangkat nabi boleh hasil dengan usaha.
69. berkata: aku mendapat wahyu daripada Allah.
70. Berkata: aku sudah masuk syurga, makan buah-buahannya dan peluk bidadarinya.
71. tidak menganggap kafir orang yang selain daripada beragama Islam.
72. syak pada mengkafirkan mereka seperti Yahudi misalnya.
73. atau menganggap sah mazhab mereka seperti yahudi.
74. mengatakan umat Muhammad sesat
75. mengatakan Sahabat rasulullah kafir
76. menafikan Qur'an ada mu'jizat yang melemahkan kuffar.
77. mengatakan Mekah, Ka'bah, atau Masjidil Haram.
78. Berkata: aku tidak tahu yang dikatakan Mekah itu Mekahkah atau tidak.
79. Menafikan bahawa langi bumi menunjukkan dalil ada Allah.
80. Berkata: adanya langit dan bumi tidak menunjukkan adanya Allah.
81. menafikan bangkit manusia dari kubur.
82. Ingkarkan syurga dan neraka atau hisab dan pahala juga azab.
83. atau dibenarkan semuanya itu tetapi katanya itu bukan maksudnya yang sebenar.
84. berkata: imam-imam itu lebih afdhal daripada nabi-nabi.
85. menyerupakan orang jahat dengan zabaniyah atau Munkar Nakir secara menghinanya, jadi kafir.
86. melebihkan wali atas nabi
87. menyangka sifat rububiyah apabila zahir atas hamba terangkat taklif.
88. mengaku melihat Allah dengan mata kepala dalam dunia.
89. mengaku dirinya sama perkataan dengan Allah.
90. berkata: Allah masuk dalam semua rupa yang baik-baik.
91. Berkata: roh itu cahaya Allah, apabila berhubung yang cahaya berkata-kata keduanya.
92. Beriktikad sifat dirinya dekat dengan sifat Allah.
93. Beriktikad Allah memberi makan minum kepadanya tiada haram halal lagi.
94. Mengaku sampai kepada Allah dengan jalan lain daripada ubudiyyah atau memperhambakan diri kepadaNya.
95. mengaku dirinya sampai kepada maqam gugur hukum Syara' baginya.
96. Jadi bida'ah orang yang berkata: Allah telah mengilhamkan kepadanya pekerjaan agama Islam tidak berkehendak lagi ianya kepada ilmu dan ulama;
97. kalau beri'tikad Allah ilhamkan kepedanya pekerjaan agama lain daripada Islam jadi kafir;
98. atau ia sampai menjadi nabi jadi kafir;
99. kalau dikata kepada seseorang: engkau padaku seperti yahudi pada penglihatan Allah
100. atau membaca Qur'an sambil memalu rebana;
101. atau dikata orang baginya: adakah engkau ketahi yang ghaib, jawabnya:ya, bertanya aku tahu akan dia;

102.atau ia kembali daripada musafir bila mendengar burung 'aq'aq

103.atau dikatanya: aku 'asyik akan Allah dan Allah 'asyik akan aku, maka jadi bid'ah fasik; tentang kafirnya ada khilaf.

104.kalau mencita-cita jangan diharamkan zina, membunuh dan anyiaya, jadi kafir.

105.kalau mencita-cita tidak diharamkan minum arak dan berkahwin dengan saudara, tidak kafir.

106.kalau dikatakan bagi isterinya: engkau terlebih aku kasih dearipada Allah, atau

107.berkata: ia Nasrani terlebih baik daripada majusi, bersalahan ulama tentang kufurnya.

Kemudian disebut tentang hadith berkenaan dengan perpecahan umat kepada 73, satu sahaja yang selamat, dan mereka itu Ahlis-Sunnah wal-jamaah. (halaman 8-9).

Kemudian digesa supaya berpegang kepada Ahlis-Sunnah, jangan Qadariyyah, Jabariyyah, mazhab tasybih, dan ta'til, Khariji dan Rafidhi.Ini diikuti dengan huraian-huraian berkenaan dengan golongan-golongan Rafidhiyyah, Kharijiyyah, Jabariyyah, Qadariyyah, Jahmiyyah, dan Murji'ah. Kemudian ini disusuli dengan ciri-ciri golongan itu semuanya dan pegangan-pegangan mereka. Yang akan disebutkan ialah yang berkemungkinan menyentuh tasawwuf pada pegangann atau amalannya sahaja. Antaranya ialah:

Dalam golongan Rafidhah - yang dinyatakan ianya terdiri daripadda dua belas golongan - antara akidah-akidah mereka yang banyak itu ialah:

1. Saidina 'Ali turun dari langit, keluar daripadanya awan Uluhiyah, lalu masuk kepada rupa manusia; lalu dikerjakannya beberapa kerja yang menunjukkan keTuhanan, lepas itu naik semula ke langit. Ini kufur.

2. Setengahnya beriktikad: Saidina 'Ali rd adalah nabi Allah, Jibril tersilap membawa wahyu kepada Nabi Muhammad saw. Ini kufur berdasarkan ayat Qur'an yang bermaksud Muhammad tidak lain melainkan Rasul.

3. Setengahnya beriktikad: Saidina 'Ali krw berkongsi dengan Nabi Muhammad s.a.w. dalam pangkat kenabian. Ini kufur.

4. Setengahnya beriktikad: Khalifah itu 'Ali, bukan yang lain-lain itu, dan bahawa Abu Bakar, 'Umar dan 'Uthman menjadi kafir bila menerima khilafah lain daripada 'Ali.

5. Mereka itu menyumpah Abu Bakar, 'Umar dan 'Uthman, serta para Sahabat lainnya. Mereka lebihkan sahabat Ali mengatasi sahabata-sahabat lain.

6. Setengahnya beriktikad: roh bila keluar daripada sesuatu badan masuk ia kepada lembaga lain. Ini kufur.

7. Setengahnya beriktikad: Ali krw lagi akan kembali ke dunia dengan hidupnya dahulu daripada Kiamat serta menuntut balas atas sekelian seterunya , dan sekarang ini

tempatnya di awan.Guruh dan kilat suara cemetinya.Ini iktikad kufur kerana menyalahi Qur’an, hadith dan ijma’ Ahlis-Sunnah wal-Jama’ah.

8. Setengahnya beriktikad: Allah terkadang zahir dengan rupa manusia, makan dinamai ia itu nabi dan imam, ialahn yang memanggil manusia kepada agama Islam yang betul. Kalau tidak demikian sesatlah makhluk.

9. Setengahnya beriktikad: Allah Taala masuk kepada sesuatu dan ia bersatu (asl.”bersuatu”) dengan benda itu.Ini iktikad kufur.(Ini menyentuh golongan yang mengaku bersatu dengan Allah atau ittihad).

Berkenaan dengan golongan ini pengarang kitab ini menukilkan hadith yang bermaksud: "Akan ada pada akhir zaman kaum yang dinamakan Rafidhah yang membuang Islam, hendaklah kamu membunuh mereka, sesungguhnya mereka itu golongan syirik." (hlm. 9-10).

Berkenaan dengan kaum Kharijiah atau Khawarij:

Disebutkan mereka itu dua belas golongan.Antara akidah mereka:

1. menjadi kafir orang yang melakukan dosa besar. Itu I’tikad kufur.
2. pada mereka zakat tidak wajib;
3. mereka menghimpunkan harta;
4. kata mereka tidak harus memberi zakat kepada sesiapa kerana tidak diketahui kafir atau mukmin; itu semua I’tikad kafir.
5. Setengahnya percaya Allah mengampunkan dosa syirik.Itu I’tikad kufur.
6. Setengahnya percaya iman dengan yang ghaib itu batil; ini kufur.
7. Setengahnya beri’tikad Allah tidak menghukumkan makhluk dengan suatu hukum. Ini kufur.
8. Setengahnya percaya matahari, bulan dan bintang bukan makhluk Allah. Ini kufur.
9. Setengah percaya semua wanita umpama perhumaan atau bunga-bungaan maka harus bersetubuh sebelum nikah. Ini kufur.
10. kaum Kharijiah naik saksi bahawa Ali rd kafir.
11. Mereka berkata: mereka tidak tahu mukmin atau kafir selain Abu Bakar dan ‘Umar. Ini kufur.

Kemudian dibicarakan golongan Jabariyyah. Dinyatakan mereka itu ada dua belas golongan.

1. Mereka beriktikad: semua perbuatan hamba amalan kebajikan, iman dan taat, dan amal kejahatan seperti kufur dan maksiat dari Allah.
2. Sekali-kali tiada usaha dan iktiar hamba; hamba tergagah pada semua perbuatannya. Seperti benang tergantung ditiup angin; maka semua perbuatan hamba adalah perbuatan Allah. Ini kufur.

3. Mereka sifatkan Allah dengan melakukan kejahatan seperti zina dan lainnya.

4. Iktikad mereka menggugurkan taklif dari hamba dan ini "(meng)ingkar(kan) akan beberapa ayat Qur'an dan ijma' sekelian ulama betapa kiranya sah menafikan amal dan usaha daripada hamba" (hlm. 11).

5. Setengahnya beriktikad: sekali-kali hamba tidak beroleh kebajikan daripada berbuat taat dan tidak beroleh kejahatan daripada maksiat. Kebajikan, kejahatan, taat dan maksiat adalah bagi Allah sahaja, dan ia putus asa daripada rahmat Allah. Ini kufur.

6. Setengahnya beriktikad: tidak beroleh pahala dan seksa daripada berbuat kebajikan dan kejahatan. Ini kufur.

7. Setengahnya beriktikad tafakur itu terutama daripada berbuat ibadat dengan mengambil dalil daripada hadith (yang bermaksud): Tafakur sesaat lebih baik daripada ibadat tujuh puluh tahun. Disangkanya ibadat itu ibadat fardhu. Itu kufur.

8. Setengahnya beriktikad: sesiapa menyucikan dirinya dan hening daripada cemar hawa nafsu, dan ia ada ilmu, gugur daripadanya ibadat dan amal. Ini kufur.

9. Setengahnya beriktikad: segala makhluk beroleh pahala sebab berbuat kebajikan tiada beroleh seksa dengan berbuat kejahatan; semua yang kafir dan yang melakukan maksiat diuzurkan, tiada disoal, kerana semua perbuatan hamba digagahi- ini iktikad kufur.

10. Setengahnya beriktikad: Allah tiada menyeksa hambaNya, sebab kalau Ia menyeksa, maka ia zalim. Ini kufur.

11. Setengahnya beriktikad: Allah menghidupkan mereka yang kafir dalam Neraka; kemudian dimatikan mereka, tiada hidup lagi. Itu kufur.

12. Setengahnya beriktikad: Allah telah menjadikan segala sesuatu: selepas selesai, Ia istirehat. Tiap-tiap suatu zahir pada waktunya bukan dari Allah. Ini kufur.

13. Setengahnya beriktikad: Tiap-tiap seorang yang ada terlintas khatir kebajikan atau kejahatan dalam hatinya, hendaklah ia lakukannya; itu daripada suruhan Allah.Ini kufur.

14. Setengahnya beriktikad: bila seseorang hamba sampai kepada martabat kesudahan kasihnya kepada Tuhan, dan heninglah hatinya, dimunumnya minum kasih kepada Allah, gugur segala taklif Syara' daripadanya, terangkat segala ibadat, ibadatnya hanya tafakur sahaja. Ini kufur.

15. Setengahnya beriktikad: segala harta dunia ini dikongsi antara manusia sebab semuanya pesaka daripada Adam dan Hawwa. Sesiapa yang mengambil daripadanya itu haknya. Itu iktikad kufur.

16. Setengahnya beriktikad: belajar ilmu jadilah seseorang itu syarik, bersekutu pada segala harta manusia; sesiapa yang menegahnya maka kafir. Ini iktikad kufur.

17. Setengahnya beriktikad: tiada sesuatuyang difardhukan Allah atas hambaNya, jika dikehendaki diperbuatnya kalau tidak, tidak. Ini kufur.

18. Setengahnya beriktikad: hamba tiada mukallaf lain daripada iman dan kufur. Ini kufur.

19. Setengahnya beriktikad: Allah menyuruh berbuat ibadat, tidak diwajibkan mengulang-ulangkannya. Ini kufur.

20. Setengahnya beriktikad: bahawa syak ia pada imannya; katanya membawaiman dan mengucap syahadat itu menjadi mukmin dan menghilangkan kufur. Ini kekufuran.

Kemudian diikuti dengan huraian tentang kaum Qadariyyah.

1. Setengahnya beriktikad: Kudrat hamba yang baharu memberi kesan pada segala perbuatan hamba yang diikhtiarkan dengan sengaja; maka segala yang berlaku adalah hasil bekas kudrat yang diberikan Tuhan samaada ada perbuatan langsung atau yang timbul daripadanya (tawallud). Pada ulama Transoxiana ini kufur mutlak; pada jumhur ini kufur kalau diharuskan Allah lemah daripada menjadikan perbuatan.

2. Setengahnya beriktikad: Syaitan tidak berdapat dengan Tuhan sebab tiada baginya wujud yang nyata. Ini kufur.

3. Setengahnya beriktikad: untung baik dan jahat bukan daripada Allah, itu kufur.

4. Setengahnya beriktikad: berbuat ibadat itu sia-sia kerana yang bahagia itu bahagia semenjak dari azali, dalam perut ibu, itu kufur.

5. Setengahnya beriktikad: menafikan Sirat, Hisab, Mizan, dan Syurga dan Neraka belum dijadikan. Ini kufur.

6. Setengahnya beriktikad: segala amalan itu daripada hamba jua tiada kita ketahui hamba akan mendapat pahala atau seksa. Itu kufur.

7. Setengahnya beriktikad: Tuhan tidak menjadikan Syaitan kerana menjadikannya itu nyata menjadi kufur danmenghendakinya, itu kufur.

8. Setengahnya beriktikad: Segala amalan itu makhluk Allah melainkan iman. Itu kufur.

9. Setengah daripada mereka: menerima ibadat yang fardhu dan bencikan ibadat yang sunat.

10. Setengahnya: menerima ibadat sunat dan bencikan yang fardhu.

11. Mereka sembahyang zohor dan asar dua-dua rakaat. Itu semua kufur.

12. Setengahnya beriktikad: segala kitab Allah yang diturunkan dari langit tiada mansukh maka wajib diamalkan apa yang ada di dalamnya. Ini kufur.

13. Kaum Qadariyyah itu seperti Majusi, seperti hadith Nabi s.a.w. (yang bermaksud): “Apabila kamu lihat kaum Qadariyyah, maka kamu bunuh mereka, mereka itu majusi umat ini.”

Kemudian ini disusuli dengan golongan Jahmiyyah. Mereka itu dua belas golongan.

1. Setengahnya beriktikad: Nama-Nama Allah Dan Sifat-SifatNya adalah makhluk. Ini kufur.

2. Setengahnya beriktikad: Allah maujud pada tiap-tiap tempat dengan secara hulul dan ittihad. Ini kufur kerana mengisbatkan tempat bagi Allah dan berbilang-bilangNya.

3. Setengahnya beriktikad: mukmin yang derhaka bila masuk Neraka tidak akan keluar daripadanya. Ini kufur.

4. Setengahnya beriktikad: isi Neraka bila dibakar hingga menjadi abu, maka ia tidak hidup lagi. Ini kufur. (Disusuli dengann nas Qur'an).

5. Setengahnya beriktikad: Mayat tidak merasai azab, hanya pada ketika sakratul maut sahaja, dan (tiada?) merasai azab kubur. Ini kufur.(Disebutkan menyalahi Qur'an dan hadith).

6. Setengahnya beriktikad: Allah taala berdiri antara langit dan bumi.

7. dan lagi katanya Nabi kita melihat Tuhan dalam dunia, kitapun melihat Tuhan dalam dunia.Sekelian itu kufur.(menyalahi nasQur'an, hadith dan ijma').

Ini disusuli dengan menyebut kaum Murji'ah. Mereka itu ada dua belas golongan.

1. Antaranya beriktikad: selepas daripada membawa iman tidak ada sesuatu yang diwajibkan Allah. Ini iktikad kufur.

2. Setengahnya beriktikad: Allah jua yang menjadikan sekelian makhluk; tetapi Ia tidakmenyuruk melakukan kebajikan dan melarang kejahatan. Ini iktikad kufur. (Dinyatakan dalil ayat Qur'an yang menyuruh melakukan kebaikan dan keadilan).

3. Setengahnya beriktikad: barangsiapa mengucap "la ilaha illah' Llah" maka berbuat taat atau maksiat sama sahaja.

4. Setengahnya beriktikad: Sesiapa yang mentauhidkan Allah dan beriman kepadaNya sekali-kali tidak tersurat atasnya dosa besar. Ini kekufuran. (menyalahi nas Qur'an, hadith dan ijma').

5. Setengahnya beriktikad: dan beramal dengan menyembah matahari dan bulan serta bintang. Ini kekufuran.

6. Setengahnya beriktikad: Allah taala jauhar atau 'arad(iaitu zat benda atau sifat yang ada pada benda). Ini kekufuran.(disebut ayat Qur'an yang bermaksud Allah tidak ada menyamai sesuatu).

7. Setengahnya beriktikad: Iman itu ilmu, sesiapa yang tiada ilmu ia kafir.

8. Juga katanya: sesiapa yang tiada mengetahui suruh dan tegah, ia kafir. Iktikad demikian kufur. (disebutkan kerana menyangkali tasdiq dan dipadakan dengan ilmu sahaja).

9. Setengahnya beriktikad: Iman itu tiap-tiap tahun berkurang, tiadak bertambah. Ini kekufuran. (disebut ayat Qur'an yang bermaksud: orang-orang yang beriman itu bertambah imannya).

10. Setengahnya beriktikad: dan katanya (bermaksud) "Aku mukmin insha' Allah". Itu kufur kalau ia syak tentang imannya. Kalau tidak syak disebut untuk mengambil berkat dengan nama Allah, tidak jadi kafir.

11. Setengahnya beriktikad: Allah serupa dengan Nabi Adam berdasarkan hadith mutasyabihat bermaksud: "Sesungguhnya Allah menjadikan Adam atas rupa Tuhan Yang Rahman". Iktikad itu kufur. (Disebut ayat Qur'an bermaksud tiada sesuatu yang menyerupai Tuhan).

12. Setengahnya beriktikad: segala yang wajib dan sunat sama sahajakerana titah Allah;

13. dan lagi setengahnya beriktikad: Allah tidak melihat dan mendengar, ini kufur. (Disebut ayat Qur'an yang menyebut Allah mendengar dan melihat).

14. Setengahnya beriktikad: Kita mengikut Syaitan sama ada mukmin atau kafir, kalau ia menyuruh makan yang haram sekalipun. Ini kufur.

Dikatakan bahawa kaum Murji'ah itu dimurkai Allah, dan disebut dalam hadith nabi saw bahawa mereka itu dilaknati oleh tujuh puluh anbiya.

Selepas menyebut kaum yang tujuh puluh dua itu, penulis ini memberi pesanan: "(Sayugianya) kau ketahui akan dia (yaitu 72 golongan sesat itu) supaya kau jauhi akan dia (dan)jangan sekali-kali kau iktikad akan dia …" (hlm14).

Lepas itu penulis menyatakan:

"(Apabila kau ketahuilah) segala iktikad dan mazhab yang sesat yang telah tersebut itu, sekarang (maka ku nyatakan) pula **iktikad kaum mulhid yang bersaufi dirinya seperti yang telah dinyatakan Imam Ghazali (dan Syaikh Abun-Najib Suhrawardi) (dan) Imam Najmu'd-Din 'Umar al-Nasafi dan lainnya …" (hlm. 14). Kemudian diteruskan kenyataan:**

Adapun kaum yang bersaufi-saufi diinya itu amat sesat mereka itu tiada patut dinamaiakan dia dengan nama saufi, hanya terutama dinamai akan dia dengan kafir atau fasiq. (Kata ulama) adalah banyak mereka itu tiga belas kaum.

"(Pertama) kaum Murji'ah namanya (kedua) kaum auliya'iyyah namanya (ketiga) kaum sikhr akhih namanya, (keempat) kaum ibahiyyah namanya, (kelima) kaum haliyah namanya, (keenam) kaum hauriyah namanya, (ketujuh) kaum waqi'iyyah namanya,(kedelapan) kaum mutajahiliyah namanya, (kesembilan) kaum mutakasiliyah namanya (kesepuluh) kaum ilhamiyah namanya, (kesebelas) kaum hululiyah namanya, (kedua belas) kaum wujudiyah namanya (ketiga bela) kaum mujassimah namanya." (hlm. 15).

Ini disusuli dengan kenyataan tentang akidah golongan yang tiga belas itu, yang dikatakan mereka yang bersufi-sufi dirinya.

1. **kaum Murji'ah**, iktikadnya: seorang hamba bila sampai kepada martabat kasih kepada Allah, tiada dikasihinya selain daripada Allah, terangkat daripadanya taklif Syara' dan segala ibadat, yang haram itu halal baginya.

2. Mereka menyatakan: segala fardhu seperti sembahyang dan puasa dan sebagainya harus dikerjakan dan harus ditinggalkan.

3. Setengahnya tidak menutup auratnya. Iktikad dan pekerjaan demikian semata-mata kufur dan dhalalah. (hlm. 15).

4. Setengahnya beriktikad: seseorang hamba bila sampai kepada kesudahan martabatnya, kasihkan Allah, gugur daripadanya segala ibadat yang zahir, ibadatnya tafakur sahaja. Itu kufur.

5. Setengahnya beriktikad: seseorang hamba bila sampai kepada kesudahan martabat kasih kepada Allah harus baginya segala perempuan dan sahaya orang. Itu kufur.

6. Setengahnya beriktikad: harta dunia ini harus bagi anak Adam, kerana Adam bapa sekelian maniusia, dan Siti Hawwa ibu mereka semua. Maka segala harta milik mereka berdua, maka bersyarikat dalam harta itu semua anak cucunya. Semua itu kufur dan kesesatan.

Kaum Auliya'iyah:

1. Mereka beriktikad: seorang hamba bila sampai kepada darjah kewalian terangkat daripadanya suruh dan tegah Syara'.

2. Mereka beiktikad: wali itu lebih afdhal daripada nabi. Itu semua kufur dan dhalalah.

Kaum Sihir akhih:

1. Mereka beriktikad: bila seorang hamba itu lamalah kasih kepada Allah terangkat daripadanya suruh dan tegah Syara'.

2. Mereka mengharuskan bernyanyi dan memalu rebana dan bangsi dan muri rebab dan kecapi dan lainnya;

3. dan mereka haruskan zina dan menyabung , maka mereka disebut sebagai golongan Sihr akhih kerana mengikut Abdullah sihir akhih.Pada zahir mereka bersoleh-soleh diri pada hal mereka itu semata-mata fasik. Iktikad demikian kufur dan dhalalah.

Kaum Ibahiyah:

1. Mereka beriktikad antaranya: pekerjaannya meninggalkan amar makuf dan nahi munkar;

2. kata mereka: kami tiada kuasa menahani diri untuk menjalankan amar dan nahi.Maka bagaimanakah kami menyuruh orang meakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran?

3. Mereka mengharuskan zina. Mereka sejahat-jahat makhluk, dan iktikadnya kufur dan dhalalah.

Kaum Haliyah:

Antara iktikad mereka: dikatakan mereka harus menari dan bertepuk tangan tatkala menyanyi, lagi pengsan; kata segala muridnya bahawa syaikh mereka itu dalam hal itu bersalahan dengan perjalanan Rasul; itu bid'ah lagi dhalalah.

Kaum Hurriyah:

1. Iktikad mereka seperti setengah kaum haliah.

2. Kata mereka: datang kepada kami bila kami pengsan anak bidadari maka kami bersetubuh dengan mereka. Apabila sedar daripada pengsan mereka mandi junub. Iktikad ini kufur lagi dhalalah.

Kaum Waqi'iyah:

Mereka meninggalkan ma'rifat terhadap Allah kata mereka hak Allah tiada dikenal akan dia, hamba itu lemah daripada mengenalNya. Iktikad itu kufur. Disebutkan ini berlawanan dengan beberapa nas Qur'an dan Sunnah

Kaum Mutajahiliyah:

1. Mereka memakai pakaian dan mengerjakan amalan fasik.
2. Kata mereka: tiada dapat kami menjauhi diri daripada zina. Ini dhalalah.

Kaum Mutakasiliyah:

1. Mereka meninggalkan berbuat usaha dan ikhtiar.
2. Mereka pergi memintan sedekah pada tiap-tiap rumah dan kedai orang untuk mendapat makanan.
3. Mereka mengambil zakat dan sedekah daripada orang ramai.

Ini cara hidup bid'ah bersalahan dengan amalan nabi s.a.w.

Kaum Ilhamiyah:

1. Iktikad mereka seperti iktikad Dahriyah (iaitu tidak percaya kepada adanya Tuhan)
2. Mereka engganmembaca Qur'an dan belajar ilmu; kata mereka; Qur'an itu suatu hijab kepada Allah.
3. Mereka ikut kata-kata hukama
4. Syair hukama dijadikan tariqat mereka
5. Umur mereka habis dengan bersyair.

Itu semua bid'ah dhalalah.

Kaum Hululiyah:

1. Setengahnya beriktikad: wujud Allah masuk kepada diri mereka dan segala jisim. Ini kufur seperti iktikad Nasrani.
2. Setengahnya beriktikad: harus memandang kepada wanita cantik dan kepada muda belia.

3. Mereka menari dan berseloka katanya elok paras sesuatu itu daripada suatu Sifat Allah yang turun kepada makhlukNya, maka seharusnya kamu cium dan berdakap (dengan wanita misalnya).

Ini semua kufur dan dhalalah.

Kata Syaikh Abun-Najib dalam *'Awariful-Ma'arif:* Adalah setengah daripada kaum Hululiyah itu bernama Qalandariyah, mereka itu mengharuskan semua pekerjaan.katanya: Apabila kamu suci daripada hawa nafsu lagi ikhlas kepada Allah, itulah kesudahan segala yang dimaksudkan. Adapun amalan Syariat, itu martabat sekelian orang awam sahaja yang kurang darjahnya, dan itu turut-turutan sahaj.

Itu sekeliannya kufur, mulhid, lagi zindik. Sepatutnya dibunuh kalau ia tidak bertaubat. (hlm. 16).

Golongan batini:

1. Kata Imam Qurtubi: setengah daripada kafir zindik Batiniah (asl."batini") menyangka amal Syariat yang zahir seperti sembahyang, puasa, dan zakat serta haji hanya diwajibkan atas orang awam sahaja tidak atas orang khawwas. Orang yang khawas (ahli ma'rifat) tidak wajib atas mereka, meeka hanya dikehendaki hadhir dalam hati mereka ibadat itu. Ulama menyatakan bahawa ini iktikad zindik dan kufur.

2. Orang yang demikian hendaklah dibunuh kerana ingkar barang yang diketahui daripada Syariat sebagai hukum Allah terdir daripada suruh dan tegahnya, kerana hasil pengetahuan demikian secara putus, yakin dan tetap, disepakati oleh semua ulama yang awal dan yang kemudian. Sesiapa yang sangka hukum itu boleh diketahui secara lain daripada suruh dan tegah Allah, maka ia kafir kerana sangkaannya dicapai martabat nubuwwah.

3. Imam Ghazali rd menyatakan kalau ada wali yang menyangka ia ada mempunyai kedudukan di sisi Allah yang menyebabkan gugur wajib sembahyang dan halal minum arak, seperti kaum yang bersufi-sufi dirinya, tidak syak bahawa wajib ia dibunuh kerana murtad. (hlm. 16). Membunuh seorang daripada yang demikian lebih afdhal daripada membunuh seratus kafir asli (yang bermusuh dengan Islam).

Kaum Wujudiyah:

1. Iktikad dan katanya: "La ilaha illa'Llah" yaitu tiada wujudku hanya wujud Allah, yakni bahawa aku wujud Allah.

2. Kata mereka: maksudnya: Hak Allah Taala tiada maujud melainkan dalam kandungan segala makhluk; pada iktikad mereka sekelian makhluk wujud Allah taala dan wujud Allah taala wujud sekelian makhluk; mereka mengisbatkan keesaan Allah taala dalam wujud sekelian makhluk yang banyak;

3. lagi kata mereka: kami dengan Allah sebangsa dan wujud yang satu.

4. Lagi kata mereka: **Allah diketahui zatnya dan nyata kaifiatNya daripada ada Ia maujud pada kharij dan pada zaman dan makan atau tempat. Sekelian itu kufur. Inilah wujudiyah yang mulhid. Dinamakan dia zindik. (**hlm. 17).

5. **Wujudiah ada dua kaum: wujudiyah yang muwahhid dan kedua wujudiyah yang mulhid. Wujudiyah yang muwahhid iaitu segala ahli sufi yang sebenarnya.**

Kaum Mujassimah:

1. Setengahnya beriktikad: Allah itu jauhar yang maujud.
2. Kata setengahnya: Allah itu jisim tetapi tidak seperti jisim yang lainnya.
3. Setengahnya berikikad: Allah berupa seperti rupa manusia.
4. Setengahnya beriktikad: Allah taala ada daging darah, ada muka, tangan, jari dan kaki.
5. Setengahnya beriktikad: Allah ada rupa tetapi tidak diketahui bagaimana rupaNya.
6. Setengahnya beriktikad: Allah datang, turun, naik, bergerak dan berpindah.
7. Setengahnya beriktikad: Allah duduk atas ʽArasy.
8. Setengahnya beriktikad: Allah masuk pada Arasy, dan Arasy tempat kediamanNya. Kata Imam fakhrud-Din al-Razi kaum yan memahami ayat mutrasyabihat secara zahir lafaz demikian menjadi kafir kerana disabitkan bagi Allah jisim dan jisim itu disembahnya.
9. Kata Imam Ahmad: sesiapa yang mentasybihkan Allah dengan makhluk menjadi kafir.

Ini diikuti dengan larangan mengikut kaum yang bid'ah dengan dibawa beberapa maksud hadith. Kemudian dibahagikan bid'ah itu kepada pembahagian mengikut hukum yang lima mengikut huraian Syaikh ʽIzzuddin Ibn ʽAbdus-Salam. Juga diikuti dengan contoh-contoh bid'ah. Kemudian dibicarakan juga masalah-masalah berhubungan dengan jin dan hukum tentang murtad dan taubat serta jenis-jenis dposa anak Adam.(hlm 19-28).

Kepentingan Ajaran dan Amalannya:

Antaranya boleh dilihat dalam beberapa aspek seperti di bawah ini:

1. Kepentingannya dalam memberi mesej kerohanian kepada manusia zaman ini yang terlalu kebendaan.
2. Kepentingan dalam mendedahkan nilai-nilai bagi membentuk peribadi berdasarkan nilai-nilai yang unggul untukmenguatkannya supaya teguh dalam zaman penuh pancaroba ini.
3. Kepentingan dalam memberi dimensi kerohanian dalam memahami peribadi manusia yang biasa difahami hanya dari segi psikologi yang cetek mengikut teori-teori moden yang mampu menyelam hanya aspek-aspek yang tidak mendalam pada kejiwaan manusia yang tidak mampu melintasi tahap nafs ammarah sahaja.
4. Kepentingannya dalam memberi contoh tauladanyang memberangsangkan dalam hubungan dengan peribadi-peribadi unggul dalam sejarah kerohanian, yang kalau tidak tidak akan ada contoh-contoh yang demikian.

5. Kepentingannya dalam memberi kaedah-kaedah amalan yang boleh mendatangkan kesan bagi membawa kepada perubahan jiwa yang sejahtera dan selamat, yang tanpa amalan-amalan dan cara-cara yang diakui itu maka jiwa manusia akan berada pada tahap yang merosakkan.

6. Kepentingan secara amali untuk mengajar kepada manusia persaudaraan yang benar-benar berdasarkan kepada kesedaran rohaniah semata-mata tanpa laoin-lain pertimbangan dalam hubungan antara sesama manusia.hanya ilmu dan amalan tasawwiuf yang mengajar perkara yang demikian ini.

7. Kepentingannya dalam perkembangan budaya dan tamadun manusia yang memberi aspek kerohanian yang dalam sejarah boleh dilihat memberi kesan yang positif atas pemikiran dan amalan manusia serta kesan-kesan atas kesenian dengan cawangan-cawangannya.

8. Sudah tentu ajaran inilah yang mengajar manusia mencapai hubungan yang mesra dan berkesan dengan Tuhan serta mencapai keimanan yang selamat dan berkesan dalam hidup seseorang yang mempunyai nilaian yang mengatasi segalanya.

9. Sebagai aspek batin dari Islam, ianya menjamin kekuatan amalan islam dan kejayaan serta keberkesanannya sebagaimana air hayat yang ada pada pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan yang menjamin kesegaran dan hayatnya walaupun ianya tidak kelihatan pada lahirnya sebab ianya berupa aspek dalamannya.

Antara Perkara-Perkara Yang Perlu Diselesaikan:

- Antaranya sikap memandangnya sebagai bid'ah dhalalah yang menimbulkan masalah palsu dalam masyarakat, dengan mengambil kira keperluan menyelesaikan masalah mereka yang benar-benar sesat sebagaimana yang ada dalam teks-teks Ahlis-Sunnah yang muktabar. Ini perlu diselesaikan dengan merujuk kepada hakikat bahawa ilmu tasawwuf diterima sebagai satu daripada ilmu-ilmu yang diakui seperti yang disebut oleh Ibn Khaldun dalam "al-Muqaddimah", atau oleh Imam al-Ghazali dalam "Ihya' 'Ulumiddin" atau 'Abd al-Qahir al-Baghdadi dalam "al-Farq bainal-Firaq" dan ahlinya diakui dalam Ahlis-Sunnah wal-Jama'ah.
- Masalah penentangan terhadap setengah-setengah Sufi seperti Ibn 'Arabi dan Imam al-Ghazali dan lainnya atas dasar mereka menggunakan hadith-hadith yang dipertikaikan oleh setengah pihak. Ini boleh diselesaikan dengan merujuk kepada pendirian ulama hadith tentang bolehnya hadith-hadith dhaif disebut dalam hubungan dengan fadhilat amalan-amalan dan tidak dalam hubungan dengan hukum haram halal. Misalnya ini dinyatakan oleh Imam Nawawi rd dalam" al-Azkar"nya.
- Masalah penentangan terhadap apa yang disebut sebagai wahdatul-wujud yang sahih tanpa membezakannya dengan ajaran zindik yang ditentang oleh teks-teks Ahlis-Sunnah sendiri. Ini boleh diselesaikan dengan merujuk kepada hakikat ada wahdatul-wujud yang zindik dan ada yang muwahhid, sebagaimana yang disebut dalam "*Nahj al-Raghibin"* yang tersebut di atas selain daripada punca-punca lainnya; juga dengan merujuk kepada hakikat bahawa itu bukan dimasukkan

dalam bahagian akidah tetapi pengalaman kerohanian para arifin; dan sebagaimana yang disebut oleh Ibn Khaldun pengalaman mereka itu sahih.

- Masalah penentangan terhadap tasawwuf kerana dipandangnya sebagai ajaran dan amalan yang melemahkan pembangunan negara dan umat kerana kononnya pengajaran "membenci dunia" dan "zuhud". Ini boleh diatasi dengan merujuk kepada hakikat tasawwuf yang mengajarkan hubungan manusia dengan Tuhan yang semurni-murninya, dan sikap mengambil dunia sebagai wasilah untuk kebajikan dan menuju kepada Tuhan, dan bukannya melemahkan umat, bahkan sikap ini menguatkann umat, sebagaimana yang terbukti pada zaman awal Islam. Zuhud itu nisbah bagi diri, adapun kegiatan yang menguatkan umat, itu fardhu kifayah yang mesti dilaksanakan.
- masalah penentangan terhadap metafisika sufi yang dianggap bid'ah oleh itu mesti dihapuskan. Ini mungkin diselesaikan dengan merujuk kepada hakikat perkembangan tamadun yang menimbukan sistematisasi semua ilmu-ilmu dengan sistem peristilahannya yang tidak boleh dielak seperti adanya perkembangan dalam ilmu fiqh, usuluddin, tasawwuf, usul fiqh dan seterusnya yang tidak berlaku pada zaman nabi saw, tetapi perkembangan ilmu-ilmu itu diterima dalam Ahlis-Sunnah wal-Jamaah, bahkan ilmu-ilmu itulah yang menjayakan ajaran Ahlis-Sunnah wal-Jamaah.
- Masalah penentangan terhadap wirid dan zikir beramai-ramai yang dianggap oleh setengah pihak sebagai bid'ah. Masalah wirid dan zikir beramai-ramai itu sebagaimana yang diterangkan oleh Imam al-Suyuti rh dalam kitabnya *al-Hawi lil-Fatawi* ianya dilaksanakan semenjak zaman nabi saw lagi, dan beliau menukilkan lebih kurang dua puluh hadith yang sahih berhubungan dengan perkara ini.
- masalah kesesatan yang memang ada dalam masyarakat hasil daripada ajaran rohaniah palsu yang berkembang kerana adanya orang-orang yang mencari kepentingan daripada kehausan rohaniah yang ada pada manusia sekarang sampai menyebabkan timbulnya orang-orang yang pandai-pandai dalam masyarakat menjadi mangsa gerakan sedemikian.

Wallahu a'lam.

Nota-nota hujung:

(1) hadith Imam Muslim, sahih, riwayat ʽUmar bin al-Khattab.

(2) *al-Intisar liTariq as-Sufiyyah,* hlm.6, karangan ahli hadith Muhammad Siddiq al-Ghumari.Dinukil dalam *haqa'iq ʽan at-tasawwuf,* oleh Syaikh ʽAbdul Qadir ʽIsa, Dewan Press, Norwich, 1970, hlm 22-23.

(3) Imam Muslim.Riwayat ‘Umar rd.
(4) Muqaddimah Ibn Khaldun, 329.
(5) Tr Arberry, l966, Lahore, hlm 3.
(6) Ibid.hlm.4
(7) *al-Intisar li Tariq as-Sufiyyah,* hlm 17-18.
(8) al-Muqaddimah._
(9) 1971 di Clarendon Press, Oxford, 1971. Hlm 21._
(10) Ibid._
(11) Penerbitan Mizan Bandung, 1995._
(12) Pusat Penyelidikan & Penyebaran Khazanah Islam Klasik dan Moden Dunia Melayu, K.L. 2000._
(13) JMRAS-n0.178-jld XXX.pt 2,Ogos, 1957._
(14) Sh.Muhammad Ashraf, Lahore, l965._
(15) M.V.Bruinessen dlm sumber tersebut, hlm 188._
(16) Trimingham, sumber telah tersebut._
(17) Ph. S.van Ronkel, “Account of Six Malay Manuscipts...”Bidragen Tot de Taal,... 2(1896)1-53.Lih.M.Van Bruinsses, sumber sama.189-190._
(18) sama._
(19) sama.hlm.191._
(20) istilah M.Van Bruinessen, sama, hlm 192._
(21) Diulas oleh Ahmad Daudy dalam *Allah Dn Manusia Dalam Konsepsi al-Raniry, Jakarta.*_
(22) D.A.Rinkes, *Abdoerraoef Singkel, Bidrahgen tot de Kennis van de Mystick op Sumatra en Java,*dissetasi, Leiden, 1909-Lihat Bruinessen.sama.193._
(23) sama dengan menyebut pendapat Snoucke Hurgronje dlm jld II *Mekka*nya*(The hague, 1889) sebagai punca terbaik tentang hidup sosial dan intelektuil Jawah di Mekah.*

KEMAMPUAN TASAWUF MENGISLAH MASYARAKAT MODEN

OLEH MOHAMAD RIDHWAN BIN ALIAS

tokawang_sufi@yahoo.com

Bayangkan 10 tahun akan datang, apakah nasib manusia yang semakin diselimuti trajedi kemanusiaan yang paling dahsyat iaitu keruntuhan sosial masyarakat. Kes rogol, pecah amanah, ragut dan penganutan budaya hiburan oleh anak muda secara melampau antara drama tragik yang semakin menjadi-jadi. Pembangunan yang diingini telah membawa bunga-bunga gejala sosial yang mematikan roh insani. Oleh sebab itu, pembangunan fizikal harus diseimbangi dengan pembangunan insani agar kita memperolehi pembangunan fizikal tetapi mengekali akal-budi masyarakat Timur dan Islam yang hakiki dan

asali. Persoalan yang timbul, bagaimana kita boleh menggapai keseimbangan pembangunan fizikal dan insani yang kita ingini?.

Kelakuan manusia adalah cerminan hatinya. Kita boleh mengetahui jenis air di dalam teko setelah kita menuangkannya. Bagi mengatasi permasalahan sosial, kita seharusnya mendidik jiwa seseorang agar tunduk kepada Tuhan melalui nilai-nilai murni terutamanya penghayatan ilmu tasawuf. Pembersihan hati hanya dapat dilakukan dengan suntikan ilmu tasawuf. Definisi ilmu tasawuf ialah satu ilmu yang membincangkan dan mempelajari tentang cara-cara seseorang untuk memdekatkan dan menghampirkan diri kepada Allah dengan menekan perkara berkaitan dengan akhlak terpuji, beramal soleh dengan istiqamah, mendidik hati dan menundukkan nafsu sehingga tujuan hidup yang sebenar yakni memperolehi keredhaan Allah dalam seluruh aspek kehidupannya.

Hubungan baik dalam urusan agama dengan urusan keduniaan perlu diketemukan bagi melahirkan generasi yang sihat akhlaknya. Kebanyakan ahli masyarakat kita tidak memahami tasawuf sehingga menganggap amalan bersufi ini sebagai bidaah, antipembangunan dan ajaran sesat. Anggapan ini boleh dijernihkan jika masyarakat memahami dengan lumat ajaran tasawuf. Menurut Abbas al Akkad, kaum sufi ialah kumpulan benar-benar mencintai Allah selepas membersihkan diri dan hidup dalam masyarakat yang berhubungan serta tidak jemu-jemu berbakti kepada agama. Bukanlah ahli sufi jika hanya bertakwa dan memutuskan hubungan dengan ahli masyarakat. Ahli tasawuf tetap mengauli masyarakat dengan uzlah hati dimana pengaulan dengan masyarakat awam hanya berbentuk zahir sahaja tetapi hati mereka terus mengingati Allah.

Menurut Syed Naquib al Attas, ketidakfahaman masyarakat terhadap tasawuf kerana kuman kemunduran terkandung dalam akal-pengertian yang jahil, menyalah-fahami serta menyalah-kenakan dan menyalah-amalkannya sehingga membawa kepada pelbagai penyelewengan dan kekeliruan. Kekarutan akal-pengertian dan amalan si jahil menyebabkan berlakunya ajaran sesat dalam tasawuf bertareqat. Pembawaan syeikh tareqat banyak menyeleweng dan tidak menepati disiplin kerohanian. Tasawuf tidak semestinya bertareqat, bukannya pada zikir, suluk, mujahadah, salasilah dan ibadah yang banyak tetapi kefahaman terhadap hakikat tasawuf sangat penting. Hakikat tasawuf ialah hidupnya jarum hati memandang hakikat ketuhanan dalam setiap masa. Pandanglah segalanya daripada Allah, dengan Allah dan kepada Allah, berpegang teguh dengan syariat dan hakikat serta memelihara diri daripada yang haram, syubhat dan makruh.

Tasawuf tidak membawa masyarakat ke arah kemunduran seperti momokkan pihak orientalis dan ulama modenis bahkan tasawuf boleh membangun masyarakat yang maju dalam bidang ilmu dan teknologi tetapi

mengekali akhlak mulia-bestari mereka. Sayyed Hossein Nasr menyatakan sufisme tidak pernah menidurkan jiwa umat Islam. Mereka yang mengamalkan sufi tidak sahaja tunduk kepada Allah tetapi mestilah bersedia untuk bekerja dengan mentauladani sunnah para rasul. Kehidupan para rasul meliputi dalam pemerintahan, perniagaan, pertukangan dan pertanian. Tasawuf memainkan peranan penting bagi menggerakkan jiwa untuk bekerja memenuhi tuntutan pengisian sesebuah tamadun.

Tamadun selalu sahaja difahami daripada kacamata Barat yang lebih menumpukan kepada pembangunan kebendaan berasaskan sains, teknologi dan ekonomi. Islam pula melihat ketamadunan berasaskan pembangunan insani yang berakal-budi akidah Islam. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW berjaya melahirkan masyarakat Quranik di Madinah dengan tahap ketamadunan insani paling mantap berbanding ketinggian tamadun ciptaan Firaun yang maju dalam aspek kebendaan tetapi 'tohor' dalam akal-budi berasaskan akidah dan buruk akhlak. Maka lahirlah penyalahgunaan elemen-elemen ketamadunan. Teknologi yang dihasilkan oleh manusia tidak mempunyai jiwa agama yang mantap akan menyebabkan teknologi yang disangka baik akan disalahgunakan. Contoh, penggunaan internet sebagai jaringan untuk mencari ilmu pengetahuan dan komunikasi telah disalahgunakan dengan pembiakan amalan pornografi.

Menurut Seyyed Hossein Nasr, tasawuf ialah sains jiwa menjadi punca terciptanya revolusi sains dan teknologi. Sains jiwa adalah hasil latihan-latihan jiwa untuk meningkatkan nilai akhlak supaya dapat melahirkan tenaga daya kreatif yang tinggi. Sains jiwa akan mencipta sains material. Oleh sebab itu, sains jiwa perlu dicapai terlebih dahulu sebelum penciptaan sesuatu objek berbentuk material. Jika tidak, sains dan teknologi akan membawa kemusnahan kepada dunia. Keseimbangan sains jiwa dengan sains material amat penting bagi menyelaras proses ketamadunan. Tasawuflah yang mengajar agar kedua-duanya harus berjalan sejajar untuk menjadi tamadun yang dipenuhi nilai kemanusiaan.

Ketiadaan hakikat tasawuf dalam kehidupan moden menyebabkan manusia tertarik dengan graviti nafsu. Kejadian rasuah dan pecah amanah menunjukkan kepada kita perlunya hati kita dididik dengan amalan tasawuf. Rasuah dan pecah amanah bukan hanya dilakukan oleh golongan bawahan tetapi paling malang dilakukan oleh golongan terpelajar. Walaupun mereka berakal dan memahami tentang kemungkaran tetapi mereka tidak dikawal oleh kejernihan hati-nurani sehingga sanggup melakukan perbuatan terkutuk. Jika kita mengamalkan ajaran tasawuf, kebarangkalian untuk melakukan rasuah dan pecah amanah adalah tiada kerana jarum hati kita selalu mengingatkan kita berada di bawah pemerhatian Allah yang Maha Melihat dan kepercayaan pembalasan syurga dan neraka sudah cukup menjadi wadah kawalan jiwa daripada melakukan kemungkaran.

Secara umumnya, masyarakat muslim menganggap ahli sufi sangat dangkal dan pasif terhadap politik. Kebanyakan ahli sufi tidak mencampuri

amalan politik kepartaian dan perebutan kuasa bukan bererti mereka antipolitik dan antipemerintahan. Tasawuf bukannya pengamalan budaya Gautama Buddha yang hidup bermeditasi dan bertapa untuk melarikan diri daripada perihal keduniaan. Dale F. Eickelman dalam *Muslim Politic* menyatakan jaringan sufi sebagai gerakan politik yang penting pada zaman kolonialisme. Di kawasan pengaruh tasawuf yang kuat seperti di Tenggara Eropah, Afrika Utara dan Asia Tengah, kepimpinan politik tasawuf cukup berpengaruh. Di Sudan, tareqat Mahdiyyah telah bangkit menentang penjajah dan membentuk kekuatan politik dalam pemerintahan Sudan. Di Terengganu, Tokku Paloh telah mendidik jiwa tasawuf Sultan Zainal Abidin III telah bersama baginda menentang penjajah British dan memerintah Terengganu. Inilah adalah contoh kemampuan tasawuf memotori kuasa pemerintahan negara.

Kesenian dan kesusasteraan juga pernah menerima suntikan tasawuf. Tasawuf tidak menghalangi kegiatan kesenian dan sastera. Dunia Islam sendiri telah melahirkan ahli tasawuf yang berjiwa seni dan sastera seperti Hamzah Fansuri, Jamaluddin al rumi dan Muhammad Iqbal. Hamzah Fansuri sebagai contoh telah memajukan puisi kesufian dan falsafah Islam berasaskan faham wujudiah. Kesenian dan sastera hasil suntikan tasawuf mengarahkan jiwa menghayati keindahan ciptaan Allah dan mengikat-kuatkan lagi akidah umat Islam sama ada di kalangan sasterawan, seniman atau audien yang menghayatinya. Nasyid sebagai contoh adalah wasilah paling mudah menarik anak muda agar kembali menghayati ajaran Allah dan menjentik jiwa pendengar agar menginsafi diri seperti yang pernah digemilangkan oleh kumpulan *The Zikr* dan Nada Murni.

Tasawuf adalah jatidiri manusia muslim untuk mendepani cabaran dunia yang dipenuhi dengan fahaman keduniaan yang mengarahkan kepada kehancuran kerohanian ummat Islam. John R. Mott, mengakui mukmin yang kuat ialah mereka yang memiliki sifat-sifat tasawuf, kebal dan tidak dapat ditembusi oleh sebarang kekufuran. Mereka yang mengamal tasawuf sukar digugat keimanan mereka. Pengamalan ilmu tasawuf boleh dirujuk melalui kitab seperti *Minhajul Abidin*, *Matan al Hikam* dan *Ihya' 'Ulumiddin* dengan kaedah pengajian kitab. Kaedah pengajian kitab melalui guru musyid dan mengamal wirid selepas solat sudah memadai daripada mengikuti tareqat yang banyak diseleweng oleh ulama berhati duniawi.

Mutiara tasawuf perlu dicari dengan menggunakan akal. Menurut Hamka, barang siapa yang memilih hidup bersufi, mestilah menggunakan akal. Tanpa akal tidak ada sufi. Pengunaan akal adalah satu tanda berusaha untuk hidup. Ahli sufi yang berakal dapat menghadapi dugaan dalam bermasyarakat dan bersabar lebih baik daripada muslim yang mengurungi diri untuk menggelak diri daripada bergaul dengan masyarakat. Oleh sebab itu, muslim yang bersufi dan mendepani permasalahan masyarakat adalah muslim *superman* yang

dapat menyesuaikan dirinya untuk dunia dan akhirat dengan memiliki sahsiah yang mulia-bestari.

Kemampuan tasawuf dalam masyarakat moden tidak boleh dipersoalkan lagi. Tasawuf telah membuktikan kebolehannya serasi dalam kehidupan moden. Pengamalan tasawuf dengan kefahaman sahih akan dapat mengislah masyarakat ke arah lebih maju dalam pembangunan material dan insani. Ketamadunan yang terhasil bukan sahaja berwawasan di dunia sahaja tetapi meliputi wawasan akhirat yang tidak mampu difikirkan oleh imiginasi minda manusia. Tanpa tasawuf, manusia muslim hanya rangka yang bergerak tanpa roh. Kalau manusia dianggap sebagai buah-buahan, bagai 'kulit tanpa isi'. Apa gunanya buah berkulit tanpa isi. Fikir-fikirkanlah.

Kesufian Dalam Kehidupan Moden[1]

Oleh YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat

Menteri Besar Kelantan DarulNaim

Mursyidul Am, Parti Islam SeMalaysia(PAS)

Dialah yang telah mengutuskan di kalangan orang-orang Arab yang umiyyin, seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan hikmah. Sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

Makna Ringkas Sufi

Sesetengah orang mengatakan: "Para sufi dinamakan demikian hanya kerana kemurnian (shafa) hati dan kebersihan tindakan mereka (athar)."

Bisyr ibn al-Harits mengatakan: "Sufi adalah orang yang hatinya tulus (shafa) terhadap Tuhan. Ulama lain menyatakan: "Sufi adalah orang yang tulus terhadap Tuhan dan mendapat rahmat tulus dari Tuhan. "

---

[1]⁎ Kertas kerja ini dibentangkan sempena Madrasah Ulama' III anjuran Sekretariat Pelajar Persatuan Ulama' Malaysia (SPPUM) pada 10 Jamadil Akhir 1421 bersamaan 9 September 2000 bertempat di Kompleks Al-Hikmah, Petaling Jaya.

Sebahagian mereka telah mengatakan: “Mereka dinamakan sebagai para Sufi kerana pada baris pertama “shaf” di depan Tuhan, kerana besarnya keinginan mereka di hadapanNya”.

Sesetengah menyatakan: “Mereka dinamakan Sufi kerana sifat-sifat mereka menyamai sifat-sifat orang yang tinggal di serambi masjid (shuffah), yang hidup pada masa Nabi SAW “yang lain-lain lagi telah mengatakan: “Mereka dinamakan sufi hanya kerana kebiasaan mereka mengenakan baju dari bulu domba (shuf).

Nabi Muhamad SAW Contoh Utama

Tidak syak lagi Nabi Muhamad merupakan contoh unggul dalam membicarakan pemikiran sufi dan alamnya. Hidup Rasulullah yang penuh dengan penderitaan, pengorbanan demi menyampaikan risalah Islam ini menggambarkan ciri-ciri kesufian dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah.

Hampir semua kitab yang menulis tentang baginda menceritakan bagaimana keadaan rumahtangganya. Bukan sahaja tidak terdapat perabot-perabot yang mewah dan makanan yang enak malah alas tidurnya hanya berbekalkan tikar yang apabila tidur di atasnya, bekasnya terlekat di pipinya. Bukan sahaja sajian roti kering yang dibuat dari tepung kasar dengan segelas air minum, sebutir atau dua butir kurma yang sememangnya telah diketahui umum.

Hadis yang diriwayatkan Al-Bukhari menceritakan bahawa Saiditina Aisyah pada satu ketika mengadu kepada Urwah dengan katanya: “Lihatlah Urwah, kadang-kadang berhari-hari dapurku tidak bernyala..”

Ibnu Masud menerangkan bahawa beliau pernah masuk ke rumah Rasulullah dan didapatinya Nabi sedang berbaring di atas sepotong anyaman daun kurma yang membekas kepada pipinya. Dengan sedih Ibn Masud bertanya: “Ya Rasulullah apakah tidak baik aku mencari sebuah bantal untukmu?”. “Nabi menjawab: “Tidak ada hajatku untuk itu. Aku dan dunia adalah laksana seorang yang sedang bermusafir, berteduh sebentar di kala hari sangat terik di bawah naungan sepohon kayu yang rendang, kemudian berangkat dari situ ke arah tujuan lain yang kekal”.

Dalam sebuah riwayat lain bahawa pada suatu hari Nabi teringat dalam sembahyangnya, bahawa di rumahnya masih tersimpan satu pundi-pundi emas

yang belum disampaikan kepada mereka yang berhak menerimanya. Lalu diringkaskan sembahyangnya dan dengan tergesa-gesa baginda pergi membahagi-bahagi sedekah itu kerana baginda tidak ingin sepotong emas pun tinggal di rumahnya.

Terdapat juga dalam cerita bahawa pada suatu hari pernah diletakkan orang di depannya sekaligus tujuh puluh ribu dirham emas. Semua wang itu emas itu seketika itu juga dibahagi-bahagikan dan sebutir pun tidak ada yang tertinggal. Abdul Rahman bin ‘Auf menceritakan ketika Nabi Suci SAW wafat tidak ada yang tinggal padanya kecuali sepotong roti, sebilah pedang, seekor kaldai tunggangan dan sebidang tanah untuk anaknya Fatimah Az-zahra’.

Demikianlah keadaan pemimpin agung dunia ini yang menjadi contoh berzaman untuk membuka mata sahabat dan pengikutnya melihat, apa tujuan sebenar manusia itu hidup. Untuk membuka hati keluarga dan umatnya lebih luas daripada perutnya, daripada mulutnya, daripada mata, hidung dan telinganya, sehingga tubuh yang kasar itu dapat menerima percikan cahaya Ilahi yang lebih tinggi tentang wujud, sehingga dengan demikian dapatlah manusia merasai tujuan hidup yang sementara ini untuk menuju akhirat yang kekal abadi.

Rumahtangganya menjadi contoh, pakaiannya menjadi ikutan, makanannya menjadi teladan dan sabar serta toleransinya pun menjadi panduan.

Zaman Selepas Rasulullah

Golongan sahabat merupakan golongan sufi. Mereka bersama Rasulullah bangun berjuang menentang kekufuran dan kemunafikan. Mereka tidak segan menyatakan pendirian bersama Rasulullah. Merekalah petunjuk sepanjang zaman menerangi alam yang gelap, mewarnai kehidupan manusia menyusun susur atur masyarakat, menjiwai kemurnian yang luhur dan prinsip yang tegar.

Setelah zaman sahabat, munculnya zaman para tabien yang memunculkan ramai golongan yang mempunyai sifat dan personaliti anggun yang mencirikan kehidupan Rasulullah SAW.

Saidina Ali yang namanya begitu dominan dalam salasilah tareqat, bukan sahaja tokoh kezuhudan dan hikmah, malah beliau juga adalah negarawan ulung dan pemerintah dan syahid kerana keadilannya. Surat beliau kepada sahabatnya,

Malik Asytar merupakan kod etika bertulis untuk panduan pemimpin negara. Dia adalah wujud yang merealisasikan *'rahban fi al-lail wa fursan fi an-nahar"*

Begitu juga Khalifah Umar Abdul Aziz yang menjadi pemerintah yang mengekalkan kezuhudan walaupun sekelilingnya penuh kekayaan dan kemewahan. Sehingga terdapat kisah yang memperakui bahawa pada waktu tersebut tidak ada seorang pun rakyatnya yang layak menerima zakat lantaran kekayaan dan kemewahan umat. Sungguhpun demikian, style dan cara hidup pemimpin Khalifah Umar Abdul Aziz tidak pernah disebut sebagai pemboros, pengaut kemewahan negara, tidak pernah dicatatkan tentang ketamakan harta, rasuah, penyelewengan wang rakyat, penyalahgunaan harta rakyat dan seumpamanya.

Zaman Moden

Penyakit *hubbun dunya* dan *hubbul jaah* telah menjadi satu macam penyakit yang disukai, diburui tanpa menghiraukan dosa dan pahala. Keegoan dalam diri manusia untuk menerima kebenaran juga merupakan penyakit hati yang melanda masyarakat pada hari ini.

Kebejatan sosial, politik dan ekonomi yang melanda kita pada hari ini kadang-kala memberikan kita satu konklusi bahawa lantaran pengabaian terhadap usaha menyucikan jiwa, usaha mengislahkan diri, manusia terkapai dalam medan kehidupan malah seringkali lemas mencari petunjuk kebenaran lantas tersadai di pinggir khayalan.

Apakah ciri-ciri kesufian yang memancarkan jiwa zuhud, qanaah, kesederhanaan, redha, mahabbah, syukur dan sebagainya itu hanya relevan dengan zaman silam yang hanya layak untuk dipaparkan dalam sejarah semata-mata?

Apakah dengan realiti kita pada hari amat sukar rasanya untuk sekurangnya kita mencontohi mereka dalam kehidupan kita? Apakah zaman sekarang tidak relevan untuk membicarakan sufi dan kepentingan tentangnya sedangkan kesufian inilah yang memberikan kegemilangan dan kecemerlangan kepada tamadun umat Islam malah melahirkan jiwa kental, jiwa berani, teguh dan sabar menghadapi penderitaan dan cabaran malah berasa teguh dalam menyelusuri peredaran zaman menongkah arus cabaran.

Apakah zaman kini yang disebut zaman moden amat janggal untuk kita bicarakan kesufian lantaran canggihnya teknologi yang kita miliki, majunya kehidupan duniawi yang kita huni ini. Tetapi dalam masa yang sama umat manusia pada hari ini sedang terkepung dalam bahaya Jahiliyyah abad baru. Budaya cintakan kebendaan sudah menjadi paparan kehidupan manusia, saban waktu malah setiap detik kita didendangkan dengan alunan pembangunan kebendaan yang tidak segan silu memaparkan personaliti-personaliti mazmumah. Bahkan lebih parah mereka bukan sahaja berbangga dengan corak kehidupan yang 'maju' ini malah menuding telunjuk menyatakan pihak lain sebagai penghalang kemajuan, kolot dan pemecah belah umat.

Al-hasilnya dapat dilihat, kemajuan IT, pembangunan kebendaan telah dijadikan alat untuk membina kekayaan secara individu. Yang miskin dan lemah terus terancam. Kemurnian akhlak, keluhuran budi dan tingkahlaku telah dipinggir dan dipisahkan dalam agenda pembangunan. Tokoh revolusi dan sufi, Abu Dzar Al-Ghifari ketika berteriak di hadapan mahligai mewah Muawiyah, beliau berkata: "Jika istana ini kamu bina dengan hartamu sendiri, kamu berlebih-lebihan. Sekiranya engkau dirikan istana ini dengan harta rakyat sesungguhnya kamu telah khianat."

Runtuhya institusi politik yang berorientasikan ism-ism *hubbun dunya* dan *hubbul jaah* telah dapat kita saksikan kini. Percakaran dan perpecahan sesama mereka menjadi isu yang tidak sudah-sudah penghujungnya.

Sifat mazmumah yang tertanam dalam hati masyarakat bukan lagi perkara baru yang didedahkan. Sifat hasad dengki, tamak, pentingkan diri sendiri adalah paparan cerita yang saban hari menjadi penyakit hati dalam masyarakat.

Lantaran itu seluruh masyarakat dan negara bergelut dengan masalah yang tidak-tidak sudah-sudah jalan penyelesaiannya.

Kegersangan Dunia Moden

Ketika modenisasi datang ada beberapa reaksi kaum muslimin. Pertama kagum dengan modenisasi sehingga mereka mellihat kembali kesesuaian Islam dalam dunia sekarang. Lalu timbullah gejala sekularisme yang memisahkan agama dan politik kerana mereka merasakan hukum Islam sudah tidak relevan.

Kelompok kedua ialah mereka yang menjauh diri daripada apa saja yang bernama kemodenan. Segala bentuk pemodenan dianggap Barat dan jahat. Akhirnya mereka sendiri terperosok dan terpisah daripada masyarakat. Hasilnya mereka bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah kontemporari bahkan mereka juga gagal memahami kenyataan hidup.

Kelompok ketiga ialah mereka yang bereaksi dengan penuh kritis dan meneliti modenisasi dari segala aspeknya-positif dan negatif. Misalnya, kita mahu ulama-ulama yang dibesarkan di bawah bimbingan pondok dan asuhan hauzah mampu membuat kritikan terhadap sistem dan fahaman sekularisme, nasionalisme, kapitalisme dan bermacam isme lagi. Murtadha Muthahhari misalnya sangat pakar dalam menganalisis akar-akar pemikiran marxisme.

Orang-orang moden, terutama Barat dan para pendokongnya, dalam dunia moden kecewa terhadap modenisasi kerana kegersangan rasional yang dibawanya. Maka masyarakat mula menginginkan sesuatu yang tidak logik, tidak rasional. Sehingga lahirlah apa yang disebut post-modernisme. Di dalam filem lazimnya, logika banyak dilempar jauh kerana mereka sudah jemu dengan logik, kecewa dengan rasionalisme dalam kehidupan.

Lalu mereka mula memasuki hal-hal yang mistikal, yang di luar rasional. Maka di sinilah peranan para sufi dan tasawwuf itu perlu memainkan peranan bagi mengisi kekosongan masyarakat moden kini. Ibnu Arabi atau Syed Hussein Nasr misalnya, selain berpegang kepada rasional yang kuat, juga berpaut kepada dimensi mistikal-tasawwuf. Sekali lagi tasawwuf harus memberi kekuatan terhadap kerinduan-kerinduan yang digersangkan oleh rasionalisme moden. Tragedi ‘Sauk’ adalah contoh bagaimana masyarakat yang terdiri daripada profesional, ahli korporat dan lain-lain mengidap ‘kerinduan’ mistikal ini.

Jika kita soroti kedatangan dan perkembangan Islam di Malaysia khususnya Kelantan, Islam muncul kepada kita dengan wajah yang menyenangkan masyarakat pada waktu itu. Majlis tahlil, sambutan Maulid Nabi, ziarah kubur dan sebagainya begitu cocok dengan mereka. Dan tradisi ini terus berkembang dan sentiasa dipelihara oleh para tok lebai, tok ayah, para ulama silam dan diwarisi oleh generasi berpendidikan agama hari ini. Kesannya Islam terus mendapat sambutan dan terbukti pemupukan bi’ah Islamiyyah lebih ketara di Kelantan. Dan inilah juga faktor mereka terus ingin mengekalkan kepimpinan ulama.

Relevansi Sufi Dalam Dunia Moden

Cahaya iman yang terpancar daripada jiwa mukmin yang bersih sahajalah yang mampu memberi sinar kepada kehidupan kini.

Lantaran itu apabila kita berbicara mengenai perkara ini tidak ada formula yang ampuh dan berkesan melainkan kita mengembalikan diri kepadaNya yang Maha Esa, mengembalikan kepada penginsafan bahawa dunia yang bersifat sementara ini bukan segalanya yang kita cari. Bahawa dunia yang mengilusikan waktu yang sedetik ini tidak mungkin untuk pergunakan untuk kepuasan diri dan hawa nafsu kerana natijah daripada perkara tersebut adalah sesal dan binasa.

Sebab itu Allah sebut dalam Al-Quran: (Surah An-Naazi'at: 37-39) Ertinya:

Adapun orang yang melampaui batas, dan lebih mengutamakan kehidupan dunia, maka sesungguhnya nerakalah tempat tinggalnya.

Apabila kita berbicara mengenai Sufisme di tengah masyarakat moden, ada suara sumbang yang menyatakan bahawa ini adalah satu usaha memutarkan jarum jam ke belakang, menyelusuri zaman silam dengan segala kemunduran. Menyingkapkan tirai kemiskinan dengan segala kesusahan dengan pelbagai bayangan yang terjelma di minda kepala mereka untuk memencilkan pengertian dan penghayatan sufi ini.

Relevansi Sufism pada hari ini, dilihat dari persepsi dan pandangan yang keliru. Kini apabila istilah sufism diketengahkan ramai yang memahami bahawa Sufi merupakan cara hidup golongan tertentu yang mengamalkan zikir-zikir tertentu, tidak suka keluar untuk bergaul bersama masyarkat, berperilaku tidak rasional, memencilkan diri dari kehangatan bermasyarakat dan seumpamanya.

Tasawwuf dianggap anti sains, anti kemajuan dan anti kemodenan. Bagi para pembencinya tasawwuf difahami sebagai suatu usaha menghindari dunia, menyibukkan diri dalam zikir dan doa. Biarlah tasawwuf dipelajari oleh orang tua dan uzur sebelum mati. Kadang kala seorang aktivis menganggap tasawwuf menurunkan semangat juang seseorang untuk menentang kezaliman. Tasawuf hanya ubat untuk menghalau hantu raya dan santau. Selain bank Islam, sains Islam, universiti Islam, ada juga klinik Islam iaitu tasawwuf.

Namun perlu disedari bahawa jiwa sebenarnya walau apapun disebut tentangnya kita memerlukan pentazkiyahan. Walau macamana zaman berubah sekalipun

jiwa perlu diubati dari penyakit. Kerana penyakit ini jika tidak diubati akan menjadi barah merosakkan manusia.

Lantaran itu alim ulama' yang silam seperti Imam Al-Ghazali mengungkapkan pengertian penjernihan jiwa bukan setakat mengamalkan amalan tertentu dan aktiviti tertentu semata-mata. Tetapi sebenarnya apa yang perlu dilihat adalah Imam Ghazali telah menetapkan dasar sufi secara keseluruhan untuk diamalkan.

Bukan apabila disebut mengenai sufi, ia adalah satu juzu' dengan juzu yang lain tetapi sebenarnya apa yang disebut pentazkiyahan nafs adalah satu usaha untuk menjadikan diri kita sebagai hamba kepada Allah, yang benar-benar patuh kepada perintahNya, menjadikan hidup di dunai ini sebagai jambatan ke akhirat. Menjadikan hidup ini sebagai tempat berteduh dari perit matahari buat sementara waktu bagi meneruskan perjalanan yang panjang dan abadi. Mereka menjadikan dunia ini sebagai tempat untuk mencari bekalan akhirat. Menjadikan dunia ini sebagai tempat membina kemakmuran dan pengislahan. Oleh sebab itu mereka teguh dengan prinsip dan keyakinan semata-mata dengan nama Islam-walau *karihal kafirun*.

Sebaliknya sufi dengan ciri-ciri yang ada padanya merupakan nadi kekuatan, menjadi penjana segala kemajuan malah menjadi intipati kepada pembangunan masyarakat yang ampuh dan terjamin.

Menakjubkan kalau kita melihat nama-nama besar dalam dunia sufi, mereka merupakan cermin ketokohan. Al-Hallaj, Al-Qawariri dan sebagainya adalah pemuka masyarakat dalam pemerintahan dan keagamaan. Jalaluddin Ar-Rumi pernah menjadi menteri. Malik bin Dinar adalah seorang sultan. Sultan Akbar yang berjaya menyatukan India dalam kedamaian dan kemakmuran adalah seorang raja yang sufi. Tareqat Sanusiyyah di Tunisia berhasil menghalau penjajah dan membentuk Libya. Imam Khomeini, pemimpin Revolusi Islam Iran yang menggemparkan itu dikenali sebagai seorang tokoh irfan abad ke-15. Berkat aliran-aliran sufi, bangsa Chechen yang memelihara Islam dalam cengkaman komunisme bangkit menentang Rusia sendirian. Terakhir, pejuang Hizbullah Lebnon yang berjaya menghambat Israel juga menghidupkan amalan sufisme dalam rutin kehidupan mereka.

Perlu difahami di sini ialah sebenarnya sufi berasal daripada makna penyucian jiwa. Penyucian jiwa daripada penyakit hati, keegoan, ketamakan dunia, harta, pangkat dengan menginsafi bahawa dunia yang bersifat sementara ini bukan segalanya yang dikejarkan. Bukan matlamat utama yang hendak dicapai. Tetapi dunia ini adalah jambatan menuju akhirat. Tasawwuf yang sebenarnya ialah gaya hidup yang meliputi sikap, pandangan dan tingkah-laku. Tasawwuf bukan

mekanisme pelarian dan persembunyian. Para sufi bukan meninggalkan dunia. Bahkan mereka ingin menggoncangnya. Tasawwuf juga tidak menafikan syariat. Tasawwuf berpijak pada syariat untuk menjalani tareqat agar mencapai hakikat.

Penutup

Masyarakat harus sedar bagaimana seorang sufi mampu berperanan dalam pembangunan dan perkembangan ummah kerana seseorang sufi yang sebenar adalah mereka yang melakukan sesuatu pekerjaan dengan sebaik dan seikhlas mungkin. Zuhud dalam tasawwuf bukan kependetaan yang menolak dunia tetapi memiliki dunia. Keserakahan dan rakus terhadap kekuasaan dan kekayaan didorong oleh hilangnya rasa takut kepada Allah dan lupanya manusia dengan azab nerakaNya. Kezaliman dalam masyarakat juga berpunca daripada sirnanya rasa mahabbah sesama insan. Manusia sanggup bertuhankan manusia lain disebabkan tidak ada kebergantungan dan pergharapan kepada Allah.

Maka sufisme pada hari ini perlulah diungkapkan sebagai satu usaha untuk menuju redha Allah, cinta dan patuh kepada perintahNya dengan menempuh perjalanan Ilahiyyah seperti taubat, *khauf wa raja'*, zuhud, mahabbah, sabar dan sebagainya yang dengannya manusia akan lebih memakmurkan dunia ini menjadi '*baldatun thaiyibatun wa rabbun ghafur'.*

Wallahu

'a'lam